

Agensi Kelayakan Malaysia
Tingkat 14, Blok B, Menara PKNS-PJ
No. 17, Jalan Yong Shook Lin
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tel +603-7968 7002
Faks +603-7956 9496
Emel akreditasi@mqa.gov.my
Laman web www.mqa.gov.my

© Agensi Kelayakan Malaysia 2014

ISBN:

Terbitan ini boleh dimuat turun dari laman web: www.mqa.gov.my

Salinan cetakan boleh didapati daripada:

Bahagian Standard

Agensi Kelayakan Malaysia

KANDUNGAN

Prakata	i
Glosari	iii
Singkatan	iv
1. PENGENALAN	1
2. MATLAMAT PROGRAM	12
3. HASIL PEMBELAJARAN	28
4. REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM	43
5. PENILAIAN PEMBELAJARAN PELAJAR	53
6. PEMILIHAN PELAJAR	58
7. STAF AKADEMIK	62
8. SUMBER PENDIDIKAN	65
9. PEMANTAUAN DAN SEMAKAN PROGRAM	67
10. KEPEMIMPINAN, GOVERNAN DAN PENTADBIRAN	68
11. PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN	70
Rujukan	71
Lampiran	
Lampiran 1 : Ahli Panel	72
Lampiran 2 : Kandungan Kurikulum	73

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،

وَالصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

PRAKATA

Pertama sekali, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpahan rahmat dan nikmat-Nya sebuah lagi dokumen standard program dapat dihasilkan oleh agensi ini bagi tujuan jaminan kualiti pendidikan tinggi di Malaysia, iaitu Standard Program Pengajian Islam.

Dalam menyediakan standard program ini, MQA melalui panel pakar yang dilantiknya telah mendapat maklum balas daripada pelbagai pihak pada peringkat-peringkat penting penyediaan draf. Maklum balas tersebut amatlah berharga buat MQA dan panel pakar dan saya bagi pihak MQA amat berterima kasih kepada semua yang terlibat walaupun tidak dapat disenaraikan satu persatu.

Standard program ini merupakan kesinambungan kepada dokumen standard dan kriteria Pengajian Islam yang diterbitkan oleh Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2007. Dokumen tersebut hanya terhad kepada program pengajian peringkat ijazah sarjana muda manakala dokumen ini pula turut merangkumi pengajian daripada tahap sijil hinggalah ijazah doktor falsafah.

Standard program perlu difahami oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) sebagai dokumen yang menggariskan standard minimum supaya semua lulusan mendapat tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran yang dianggap munasabah mengikut peringkat pengajian. Oleh itu, ia tidak seharusnya mengekang PPT daripada menetapkan tahap liputan, kedalaman dan kualiti yang lebih tinggi bagi program yang ditawarkan.

Namun ada dua penegasan utama dalam dokumen yang perlu diberi perhatian serius oleh PPT:

- i. semua program pengajian Islam di Malaysia mestilah berlandaskan fahaman Ahli Sunah Wal Jamaah.
- ii. Kandungan program pengajian Islam pada setiap peringkat tidak boleh terhad kepada kandungan akademik semata-mata kerana paksi pendidikan agama Islam adalah menghasilkan ketakwaan kepada Allah SWT untuk mencapai keredaan-Nya. Justeru elemen kurikulum yang memperkukuh

aspek ini dalam diri pelajar perlu disepadukan dalam program Pengajian Islam.

Dengan terhasilnya standard program ini, adalah diharapkan program Pengajian Islam di Malaysia akan terus subur dan mencapai lebih banyak kejayaan dalam melahirkan lulusan yang berpengaruh dan berupaya memainkan peranan penting dalam pelbagai sektor.

وبالله التوفيق.

Dato' Dr. Syed Ahmad Hussein

Ketua Pegawai Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

2014

GLOSARI

- 1) Hasil Pembelajaran Pernyataan tentang apa yang pelajar perlu tahu, faham dan boleh lakukan apabila tamat suatu tempoh pengajian.
- 2) Kredit Ukuran kuantitatif yang melambangkan masa atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu.
- 3) Latihan Industri Program latihan yang melibatkan penempatan pelajar dalam organisasi pekerjaan bagi suatu tempoh masa tertentu untuk memberikannya pengalaman industri di samping mengukuhkan kemahiran praktikal alam pekerjaan dan kemahiran insaniah.
- 4) Matlamat Program Pernyataan menyeluruh tentang tujuan, falsafah dan rasional dalam penawaran sesuatu program.
- 5) Major Nama kategori bagi subjek/kursus yang memperlengkap pengetahuan dan keupayaan pelajar dalam bidang utama pengajian bagi sesuatu program. Bidang tersebut biasanya ialah bidang yang dinyatakan dalam nama program.
- 6) Teras Umum Pengajian Islam Nama kategori bagi subjek/kursus berkenaan bidang-bidang utama Pengajian Islam yang perlu dijadikan struktur asas program pada peringkat sijil hingga ijazah sarjana muda.
- 7) Viva Voce Peperiksaan lisan yang menilai kemahiran berkomunikasi dan pengetahuan ilmiah pelajar tentang fakta berkaitan serta penyelidikan yang telah dijalankan.

SINGKATAN

COPIA	Kod Amalan Audit Institusi
COPPA	Kod Amalan Akreditasi Program
GGP	Garis Panduan Amalan Baik
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MQF	Kerangka Kelayakan Malaysia
PNGK	Purata Nilai Gred Terkumpul
PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia

PENGENALAN

Dokumen Standard Program menjelaskan keperluan asas untuk mereka bentuk program pengajian tinggi dalam usaha untuk memastikan bahawa pendidikan yang berkualiti dapat disampaikan kepada pelajar, dipantau dan dikekalkan keampuhannya. Standard Program ini menjelaskan piawaian untuk bidang Pengajian Islam.

Istilah Pengajian Islam dalam dokumen ini merangkumi semua bidang kajian mengenai agama Islam. Justeru, ia melibatkan pengajian mengenai wahyu yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah serta sumbangan intelektual para ulama dan cendekiawan untuk memahami wahyu tersebut selain menjelaskan aspek amalan dan pelaksanaannya. Dengan kata lain, Pengajian Islam dilihat sebagai satu disiplin yang melibatkan dimensi-dimensi berikut:

1. Kajian teks al-Quran dan Sunnah.
2. Perincian kefahaman al-Quran dan Sunnah dalam ilmu tradisi Islam.
3. Manifestasi pengetahuan dan ajaran Islam dalam tamadun Islam sepanjang zaman.
4. Kajian terhadap peristiwa penting dalam sejarah umat Islam dan umat lain berdasarkan konsep *i'tibar* (mengambil pengajaran) yang dianjurkan al-Quran.
5. Kajian terhadap pemikiran dan sumbangan intelektual yang menjurus ke arah pelaksanaan prinsip dan ajaran Islam dalam masyarakat.

Di samping itu, oleh sebab bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran dan Sunnah, pengajian bahasa Arab juga telah dimasukkan dalam Standard Program ini sebagai satu daripada bidang Pengajian Islam. Bagi bahasa Arab, standard ini terpakai kepada program bahasa Arab yang berpaksikan pengajian Islam sahaja sebagai lanjutan tradisi ilmu Islam zaman berzaman. Bagi program bahasa Arab untuk tujuan kemahiran bahasa itu sendiri atau untuk garapan daripada aspek linguistik atau kesusasteraan semata-mata, maka ia tidak tertakluk kepada standard program ini. Bagi tahap pengajian, Standard Program ini meliputi program-program daripada peringkat sijil ke peringkat ijazah doktor falsafah.

Kenyataan al-Quran berkaitan pengajian Islam dapat dilihat, antara lain, dalam surah al-Taubah: ayat 122.

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَآفَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

Adalah tidak wajar bagi orang-orang yang beriman untuk keluar (berperang) kesemuanya sekali; [sebaliknya] daripada setiap kelompok, patutlah ada sekumpulan yang keluar berusaha mendalami ajaran agama agar mereka dapat memberi peringatan kepada kelompok mereka itu apabila mereka pulang, supaya masing-masing dapat menjauhi (kejahatan).

Ayat ini menunjukkan bahawa perlu ada sekumpulan umat Islam yang menumpukan masa untuk belajar dan berusaha menguasai ilmu agama (لِيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ), dan kemudian dengan pengetahuan itu, mereka perlu membimbing dan memberi peringatan kepada kelompok mereka (لِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ) untuk menuju ke jalan Allah SWT. Berdasarkan kefahaman ini, pelajar dalam program pengajian Islam perlulah diberi kesedaran oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) mengenai dua tanggungjawab asas tersebut yang saling berkaitan. Pertama, untuk memahami dengan jitu ilmu agama yang dipelajari, dan dengan kefahaman yang betul, melaksanakannya secara berterusan dengan penuh keikhlasan. Kedua, untuk membimbing dan mengingatkan orang lain, berdasarkan pengetahuan yang telah diperolehi, untuk menuju ke jalan Allah SWT.

Pengajian Islam dengan takrif yang diberikan tadi meneruskan tradisi pengajian agama sebagaimana yang dirujuk melalui istilah klasik seperti *'ulum al-din* (ilmu agama) dan *'ulum shar'iyah* (ilmu syariat). Antara ilmu yang terangkum di bawah istilah-istilah tersebut ialah, tauhid, kalam, tafsir, qiraat, hadis, fikah, akhlak, tasawuf dan tawarikh (sejarah). Oleh sebab bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran dan Sunnah, pengajian bahasa Arab juga telah menjadi sebahagian daripada pengajian ilmu agama dalam tradisi intelektual Islam. Selaras dengan tradisi yang diwarisi zaman-berzaman ini, bahasa Arab telah diklasifikasikan sekali dengan ilmu berteraskan wahyu dalam dokumen ini. Jadi pelajar dalam program bahasa Arab perlu dan diharapkan supaya turut mempunyai asas pengetahuan yang baik dalam ilmu agama.

Program akademik yang berfokuskan cabang ilmu yang dinyatakan tadi banyak ditawarkan oleh pelbagai institusi pengajian di Malaysia dan di luar negara. Namun dapat diperhatikan bahawa pendekatan yang diambil dalam menawarkan pengajian Islam semakin hari semakin bertambah dinamik dan luas kepelbagaiannya. Pertumbuhan perbankan dan kewangan Islam sebagai contoh telah menyumbang kepada perkembangan besar penulisan dalam bidang ini. Perkembangan tersebut membolehkan program akademik khusus mengenai perbankan dan kewangan Islam direka bentuk dan ditawarkan di peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. Dalam program sebegini, unsur ilmu Islam berkaitan perbankan dan kewangan diajar sekali gus dengan pengetahuan teknikal dan praktikal operasi perbankan dan kewangan. Justeru, pelajar secara langsung menerima latihan yang boleh membantu mereka menjadi pekerja yang cekap dalam sektor perbankan atau kewangan selepas tamat pengajian.

Walaupun pengajian berdasarkan tradisi lama yang berasaskan teks masih meluas di Malaysia, terdapat keperluan kepada bentuk pengajian yang lebih bersifat gunaan iaitu asas pengajian Islam diajar dengan diadunkan bersama aspek amalan praktikal dalam sesuatu industri, sektor pekerjaan atau profesion. Usaha yang cuba menampilkan pendekatan ini telah merangkumi beberapa bidang pengajian seperti pengajian pengurusan Islam, kaunseling Islam, politik Islam, pendidikan Islam, produk dan perkhidmatan halal dan sebagainya. Antara contoh program sedia ada yang mempunyai orientasi baru ini ialah Diploma Pentadbiran Undang-undang Islam, Diploma Kehakiman Islam, Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan Islam dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Islam.

Bagi memastikan bahawa standard program ini dapat menampung dan memberikan ruang secukupnya kepada program seumpama itu, ada beberapa piawaian yang akan ditetapkan khusus untuknya. Justeru, untuk keperluan dokumen, satu istilah perlu dihasilkan untuk merujuk kepada program yang menyajikan pengajian unsur-unsur ilmu agama dan prinsip Islam dengan penerapan pengetahuan teknikal dan praktikal yang relevan kepada sesuatu industri, sektor pekerjaan atau profesion. Oleh sebab program seperti ini lebih bersifat amali atau gunaan, istilah 'Pengajian Islam Gunaan' akan digunakan, selaras dengan istilah yang diguna dalam standard program Pengajian Islam sebelum ini (diterbitkan pada tahun 2007). Sebaliknya,

program yang mengekalkan tradisi terdahulu dalam orientasi pengajiannya akan dirujuk sebagai 'Pengajian Islam Klasik'.

Bagi tujuan pelaksanaan, semua program akademik Pengajian Islam, sama ada dalam orientasi klasik atau gunaan (Pengajian Islam Gunaan), adalah tertakluk kepada piawaian yang ditetapkan dalam dokumen ini, kecuali jika wujud standard program khusus yang telah dibangunkan bagi sesuatu bidang tertentu. Jika standard program yang khusus wujud, kepatuhan piawaian perlulah didasarkan kepada standard khusus tersebut, dan bukannya piawaian umum yang dihuraikan dalam dokumen ini.

Dalam senario semasa, dapat diperhatikan bahawa sesetengah fakulti atau jabatan yang secara tradisinya tidak dikaitkan dengan Pengajian Islam sudah mula menawarkan program yang penamaannya dikaitkan dengan perkataan Islam. Walaupun minat yang ditunjukkan itu wajar dipuji, perlulah ditegaskan bahawa bagi program sedemikian, kandungan kurikulum yang berkaitan dengan pengetahuan agama Islam adalah tertakluk pada piawaian dalam dokumen ini dan perlu disemak dan disahkan oleh pakar Pengajian Islam.

Memandangkan dokumen ini telah meletakkan Pengajian Islam dalam dua orientasi, maka piawaian akan diberi berdasarkan dua orientasi tersebut, iaitu klasik dan gunaan. Namun, wajar dinyatakan bahawa kedua-dua orientasi ini tidak mungkin sepenuhnya terasing antara satu sama lain, jadi adalah penting untuk PPT menentukan daripada awal orientasi utama program yang ingin ditawarkan. Ekoran daripada itu, apabila dokumen program dibentangkan untuk kelulusan MQA, penilaian program boleh dibuat dengan lebih adil dan telus. Dari sudut pelaksanaan, program yang diletakkan di dalam orientasi klasik adalah tertakluk kepada piawaian yang ditetapkan bagi orientasi tersebut dan program yang berorientasi gunaan tertakluk pula kepada piawaian Pengajian Islam Gunaan.

Bagi setiap orientasi, hasil yang diharapkan daripada graduan-graduan adalah seperti berikut:

Pengajian Islam: Orientasi Klasik

Graduan mempunyai kefahaman, kemahiran dan/atau kepakaran dalam bidang pengajian yang diikuti di samping mempunyai pengetahuan asas yang baik dalam ilmu lain di bawah Pengajian Islam. Kompetensi teras termasuk:

1. Keupayaan untuk merujuk kepada teks klasik yang berkaitan dengan bidang pengajian
2. Keupayaan untuk menghubungkan kait apa yang dipelajari dengan situasi semasa
3. Keupayaan untuk memperjelas ajaran Islam kepada khalayak kontemporari.

Pengajian Islam: Orientasi Gunaan

Graduan mempunyai kefahaman, kemahiran dan/atau kepakaran dalam aspek praktikal pelaksanaan prinsip dan ajaran Islam dalam sektor pekerjaan tertentu seperti pendidikan, pengurusan, kaunseling, kehakiman, perbankan, kewangan dan sebagainya. Oleh itu, selain daripada memahami prinsip Islam dan etika kerja secara teori, mereka diharapkan mempunyai kemahiran dan kecekapan yang relevan dengan sesuatu industri/profesion.

Tahap Pengajian

Tahap pengajian yang diperuntukkan dalam dokumen ini ialah Sijil (Kerangka Kelayakan Malaysia, MQF) Tahap 3, Diploma (MQF Tahap 4), Ijazah Sarjana Muda (MQF Tahap 6), Diploma Pascasiswazah & Sarjana (MQF Tahap 7) dan Ijazah Kedoktoran (MQF Tahap 8).

Penggunaan Istilah Pengajian Islam dan Seumpamanya dalam Penamaan Program

Program Pengajian Islam pada peringkat sarjana muda dan ke atas bermatlamat untuk melahirkan individu yang berpengetahuan tinggi dalam hal agama. Oleh sebab kefahaman dan amalan agama yang betul merupakan perkara yang amat penting, perlulah dipastikan bahawa individu yang akan mengikuti mana-mana program Pengajian Islam pada peringkat tersebut telah pun mempunyai asas pengetahuan agama yang kukuh.

Ekoran daripada prinsip tersebut, istilah Pengajian Islam atau istilah lain berkaitan kesarjanaan Islam seperti usuluddin, syariah, tafsir dan hadis tidak harus digunakan dalam penamaan mana-mana program akademik jika program itu menerima masuk secara terbuka pelajar yang tidak mempunyai latar belakang pengetahuan agama yang cukup. Berdasarkan amalan biasa, latar belakang pengetahuan seseorang itu harus dapat ditunjukkan dengan sesuatu kelayakan formal sebagai bukti. Ini bermakna hanya pelajar yang mempunyai latar belakang pengetahuan agama yang formal sahaja boleh diterima masuk dalam program Pengajian Islam pada peringkat sarjana muda ke atas. Butiran syarat kemasukan ini disediakan dalam bab Pemilihan Pelajar.

Bagi peruntukan tersebut, terdapat dua implikasi yang terbabit:

1. PPT masih boleh menawarkan program yang mengandungi elemen Pengajian Islam dan menerima masuk calon yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan formal dalam Pengajian Islam dengan syarat program tersebut tidak diberi nama Pengajian Islam atau nama lain yang berkaitan kesarjanaan dalam bidang agama. Antara nama alternatif yang boleh digunakan ialah Pengajian Timur Tengah, Pengajian Peradaban (Islam di Asia Tenggara) dan Pengajian Arab.
2. Bagi calon yang tidak mempunyai bukti kelayakan bagi pendidikan formal dalam pengajian Islam, budi bicara boleh diberikan berdasarkan konsep pengiktirafan pembelajaran terdahulu, kerana ada kemungkinan calon pernah mendapat pendidikan melalui cara yang tidak formal. Sedia dimaklumi bahawa mendalami ilmu agama dengan cara pembelajaran tidak formal bukanlah suatu yang asing dalam konteks pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, untuk memastikan calon kategori ini mempunyai latar belakang pengetahuan yang cukup, penilaian yang kemas dan rapi perlu dilakukan supaya tahap sebenar pengetahuan mereka dapat diketahui. Dengan cara ini, barulah dapat dipastikan bahawa hanya yang benar-benar layak akan diterima masuk ke dalam program Pengajian Islam. Berikut diberikan beberapa butiran bagi penilaian yang perlu dilakukan:
 - i. Penilaian bagi kelayakan masuk ke program sarjana muda harus mempunyai peperiksaan bertulis dan juga lisan/temu duga.
 - ii. Pada peringkat sarjana, tahap lulus bagi penilaian kelayakan dalam kedua-dua komponen bertulis dan lisan seharusnya membawa erti

bahawa calon mempunyai tahap pengetahuan yang setanding dengan tahap yang ada pada pemegang ijazah sarjana muda dalam Pengajian Islam. Jika terdapat jurang yang besar antara dua tahap tersebut, maka calon berkenaan tidak harus diterima masuk. Jika jurang yang wujud tidak besar, PPT masih boleh menerima calon berkenaan dengan mengenakan syarat supaya mereka lulus beberapa modul/kursus prasyarat. Kursus prasyarat itu pula mestilah pada kadar yang bermakna dan aspek kandungan, pentaksiran, hasil pembelajaran dan jumlah jam kredit diberi perhatian serius bagi menampung jurang yang wujud. Komposisi kursus prasyarat tidak semestinya sama bagi semua PPT, tetapi pada dasarnya, kandungan kursus perlu menitikberatkan kefahaman asas mengenai metodologi ilmu utama Pengajian Islam selain unsur ilmu yang relevan dengan bidang pilihan calon.

- iii. Pada peringkat doktor falsafah, tahap lulus bagi penilaian kelayakan dalam kedua-dua komponen bertulis dan lisan seharusnya membawa erti bahawa calon mempunyai tahap pengetahuan yang setanding dengan tahap yang ada pada pemegang ijazah sarjana dalam Pengajian Islam. Jika terdapat jurang yang besar antara dua tahap tersebut, maka calon berkenaan tidak harus diterima masuk. Jika jurang yang wujud tidak besar, PPT masih boleh menerima calon berkenaan dengan mengenakan syarat supaya mereka lulus beberapa modul/kursus prasyarat. Butir yang ditetapkan bagi komponen prasyarat tahap sarjana adalah juga terpakai di sini.

Dewasa ini, ada juga kemungkinan sesetengah program Pengajian Islam terutamanya yang tergolong dalam orientasi gunaan, kelihatan menjangkau masuk ke dalam disiplin tertentu yang lain daripada Pengajian Islam. Dalam situasi sedemikian, penilaian tentang kesesuaian penamaan dan reka bentuk kurikulum tidak harus dibuat secara unilateral oleh pakar disiplin tersebut sahaja. Walaupun unsur disiplin lain yang diterapkan ke dalam program Pengajian Islam itu tidak dapat dinilai secara tuntas oleh pakar Pengajian Islam, membiarkan penilaian program dilakukan sepenuhnya oleh pakar disiplin lain adalah juga tidak adil. Jadi adalah penting penilaian keseluruhan program sedemikian dibuat oleh suatu pasukan yang dianggotai oleh pakar kedua-dua disiplin. Jika timbang tara diperlukan, program

berkenaan boleh dirujuk kepada Majlis Dekan Pengajian Islam atau pihak lain yang dipersetujui bersama oleh anggota panel penilai.

Berikut diberikan satu contoh yang menggambarkan senario Pengajian Islam menjangkau disiplin lain:

Sebuah PPT mereka bentuk program dakwah yang menerapkan penekanan kepada aspek pengurusan seperti yang diamalkan dalam organisasi dan institusi moden. PPT ini bertujuan menjadikan programnya sebuah program Pengajian Islam Gunaan dan menamakannya Sarjana Muda Pengurusan Dakwah. Justeru, sudah pasti ada elemen tertentu dalam program itu yang bertindih dengan bidang pengurusan, dan seperti yang telah dinyatakan, penilaian terhadap kesesuaian penamaan, reka bentuk kurikulum dan lain-lain elemen utama program tidak harus diserahkan sepenuhnya kepada pakar pengurusan sahaja. Sebaliknya, satu pasukan yang mengandungi pakar Pengajian Islam dan pakar pengurusan perlu dibentuk untuk membuat penilaian secara menyeluruh terhadap program seperti ini.

Pendekatan Penawaran Program:

1. Tumpuan pengajian kepada satu bidang sahaja

Contoh: Sijil Syariah, Sijil Usuluddin, Sijil Dakwah, Diploma Pengajian Islam, Diploma Fikah, Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan, Sarjana Muda Tahfiz al-Quran dan Pengajian Qiraat, Sarjana Muda Pengajian Islam Syariah, Sarjana Muda Usuluddin (Pengajian Dakwah) dan Ijazah Sarjana Muda Fikah dan Fatwa.

Dalam pendekatan ini, bidang tumpuan pengajian boleh direka bentuk secara umum dan boleh juga mengandungi sekelompok kursus tertentu yang diberi perhatian khusus (biasanya dipanggil bidang tumpuan pengkhususan). Sebagai contoh, program sarjana muda Usuluddin boleh direka bentuk secara umum tanpa ada bidang tumpuan tertentu dan boleh juga direka bentuk dengan meletakkan beberapa kursus yang membentuk suatu bidang tumpuan pengkhususan, umpamanya dakwah. Bidang tumpuan pengkhususan boleh dijadikan sebahagian daripada nama program dengan diletakkan tanda kurung. Penamaan sebegini adalah tertakluk pada peruntukan MQF yang menyatakan

bahawa bidang tumpuan pengkhususan boleh diletakkan dalam nama program apabila kursus berkenaan bidang tersebut membentuk sekurang-kurangnya 25 peratus (25%) daripada jumlah kredit program (MQF, versi Bahasa Melayu, ms. 4). Oleh sebab tahap minimum MQF untuk ijazah sarjana muda ialah 120 kredit, 25% itu bererti 30 kredit. Justeru, jika bidang tumpuan pengkhususan membentuk sekurang-kurangnya 30 kredit, bidang tumpuan pengkhususan boleh dijadikan sebahagian daripada nama program dengan menggunakan tanda kurung. Oleh itu, jika dakwah, sebagai contoh, diletakkan dalam suatu program Usuluddin sebagai bidang tumpuan pengkhususan dan kursus-kursus mengenai dakwah membentuk sekurang-kurangnya 30 kredit dalam program itu, nama program seperti Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Pengajian Dakwah) boleh dipakai. Walau bagaimanapun, jika kursus dalam bidang dakwah tidak mencukupi 30 kredit, program ini hendaklah dianggap program umum usuluddin dan perkataan dakwah/pengajian dakwah tidak boleh dizahirkan dalam nama program.

2. Pengajian Islam sebagai major digabungkan dengan disiplin lain

Pendekatan ini boleh diterima pada peringkat sarjana muda sahaja. Disiplin lain yang digabungkan dengan Pengajian Islam boleh menjadi major kedua atau minor. Untuk penamaan program begini, perkara berikut perlu dipatuhi:

- i. Jika Pengajian Islam sebagai major digabungkan dengan disiplin lain sebagai major kedua, nama program mesti mencerminkan kombinasi tersebut dan perkataan 'dan' hendaklah digunakan sebagai penghubung. Contohnya, Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam **dan** Sains Politik, Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab **dan** Teknologi Maklumat.¹
- ii. Jika Pengajian Islam sebagai major digabungkan dengan disiplin lain sebagai minor, PPT diberikan kebebasan untuk memasukkan atau tidak memasukkan minor tersebut dalam nama program. Jika minor ingin dimasukkan dalam nama program, perkataan 'dengan' sebagai

¹ Penghubung 'dan' dalam situasi ini menggabungkan dua disiplin pengajian, namun ada kalanya 'dan' juga digunakan untuk menggabungkan item yang merujuk kepada bahagian-bahagian yang membentuk sesuatu disiplin secara keseluruhan, contohnya sejarah dan tamadun, atau bahasa dan kesusasteraan Arab. Dalam hal sebegini, walaupun perkataan 'dan' digunakan dalam nama program, nama tersebut masih dianggap mewakili program major tunggal.

penghubung harus digunakan. Contohnya Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam **dengan** Ekonomi dan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab **dengan** Pentadbiran Perniagaan. Namun, sama ada minor dimasukkan dalam nama program atau tidak, semua kursus yang dipelajari bagi komponen major dan minor perlulah direkodkan dalam transkrip.

3. Pengajian Islam sebagai minor digabungkan dengan disiplin lain

Pendekatan ini juga hanya boleh diterima pada peringkat sarjana muda sahaja. Keperluan minimum untuk menawarkan Pengajian Islam sebagai minor adalah seperti berikut:

- i. Komponen Pengajian Islam mesti memenuhi sekurang-kurangnya **30 kredit**.
- ii. Sekurang-kurangnya **12 kredit** daripada 30 kredit tersebut perlu diperuntukkan kepada item aqidah, fikah, akhlak dan sirah.
- iii. Semua subjek/kursus yang diambil dalam minor Pengajian Islam mesti direkodkan dalam transkrip.

Dari segi penamaan program, jika minor Pengajian Islam ini ingin dizahirkan dalam nama program, perkataan 'dengan' perlu digunakan sebagai penghubung. Contohnya Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa dengan Pengajian Islam, Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Sains Politik dengan Syariah dan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Pengajian Falak. PPT juga boleh menawarkan minor tanpa menyatakannya dalam nama program. Namun, harus diingat bahawa mengambil pilihan ini tidak mengecualikan komponen minor yang ditawarkan daripada keperluan untuk mematuhi piawaian dan peruntukan lain yang relevan.

Standard Program dan Dasar Pengajian Tinggi Yang Lain

Standard program ini menghuraikan keperluan asas untuk menawarkan program Pengajian Islam. Secara umum, program pengajian tinggi adalah tertakluk pada beberapa dasar dan peraturan. Oleh itu, dalam menyediakan program Pengajian Islam, PPT perlu mematuhi semua peruntukan undang-undang yang ditentukan oleh pihak berkuasa pendidikan tinggi Malaysia. Dasar

dan peraturan utama ada dijelaskan dalam dokumen berikut dan ia perlu dibaca bersama dengan Standard Program ini:

1. Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)
2. Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA)
3. Kod Amalan Audit Institusi (COPIA)
4. Garis Panduan Amalan Baik (GGP)
5. Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL)

MATLAMAT PROGRAM

Kod Amalan Akreditasi Program menyatakan bahawa "matlamat, objektif dan hasil pembelajaran sesuatu program menggambarkan apa yang perlu dicapai oleh pelajar. Adalah penting tujuan, matlamat dan hasil pembelajaran ini disebar luas dengan jelas kepada pelajar dan pihak berkepentingan yang lain". (COPPA, 2010, ms.16).

Bagi tujuan reka bentuk program oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT), istilah 'matlamat' boleh digunakan secara bertukar ganti dengan 'objektif'/objektif pendidikan'.

Matlamat am program Pengajian Islam ialah:

1. memperlengkap pelajar dengan pengetahuan yang benar mengenai Islam dari sudut teori dan juga amalan berdasarkan kefahaman Ahli Sunnah wal Jamaah;
2. menjadikan pelajar berpegang teguh pada nilai moral, etika dan kerohanian Islam; dan
3. memperlengkap pelajar dengan kompetensi yang selari dengan keperluan masa kini dan persekitaran global.

Seperti yang dijelaskan dalam Pengenalan, reka bentuk program Pengajian Islam masa kini secara umumnya boleh dikelaskan kepada orientasi klasik dan gunaan. Orientasi sesuatu program memberi kesan kepada matlamat khusus yang perlu dibangunkan PPT dalam proses mereka bentuk program tersebut. Kebanyakan program Pengajian Islam di Malaysia tergolong dalam orientasi klasik yang dapat dibahagikan kepada empat kategori utama, iaitu:

1. Usuluddin
2. Syariah
3. Sejarah dan Tamadun
4. Bahasa Arab

Dalam dokumen ini, huraian matlamat program diberikan kepada kategori tersebut satu-persatu.

Orientasi guna (Pengajian Islam Gunaan) pula tidak dipecahkan kepada apa-apa kategori bagi memberikan ruang yang lebih luas untuk kreativiti dan inovasi PPT dalam membangunkan program. Walaupun matlamat program dinyatakan secara generik, program dalam domain Pengajian Islam Gunaan haruslah dibina atas asas-asas ilmu usuluddin dan/atau syariah.

Oleh itu, dalam mereka bentuk kurikulum sesuatu program Pengajian Islam, PPT perlu terlebih dahulu menentukan domain program tersebut sama ada satu daripada empat kategori orientasi klasik atau orientasi guna (Pengajian Islam Gunaan).

Dalam konteks dokumen ini, istilah mengenai kategori bidang yang disebutkan tadi membawa maksud berikut:

1. **Usuluddin:** Domain pengajian yang meneliti hal kepercayaan dan pemikiran yang berkaitan dengan pelbagai aspek perhubungan antara manusia dan Tuhan. Domain ini merangkumi pelbagai subdomain, antaranya:
 - i. Aqidah/Tauhid/Kalam: Kajian sistem kepercayaan Islam.
 - ii. Pengajian al-Quran: Kajian al-Quran dari pelbagai aspek seperti aspek tafsir dan aspek bacaan (tajwid dan qiraat).
 - iii. Pengajian Hadis: Kajian mengenai sabda Nabi Muhammad SAW dan perbuatan baginda dari segi riwayat, kandungan dan elemen lain yang berkaitan.
 - iv. Akhlak/Tasawuf: Kajian aspek etika, moral dan kerohanian Islam;
 - v. Dakwah: Kajian mengenai kaedah dan amalan yang dimanifestasikan dalam usaha membimbing manusia ke jalan Allah SWT.
 - vi. Pemikiran dan falsafah Islam: Kajian pemikiran dan idea-idea ahli falsafah dan pemikir Islam tentang pelbagai isu.
 - vii. Perbandingan agama: Kajian perbandingan antara agama Islam dengan agama dan sistem kepercayaan lain.

2. **Syariah:** Domain pengajian yang meneliti hukum-hakam berkenaan perilaku orang Islam dalam kehidupan individu dan bermasyarakat. Syariah dalam pengertian ini biasanya diteliti dalam dua dimensi:
 - i. Fikah: Kajian mengenai hukum-hakam yang diistinbatkan daripada sumber perundangan;

- ii. Usul Fikah: Kajian metodologi mengistinbat hukum daripada sumber perundangan.
3. **Sejarah dan Tamadun:** Kajian peristiwa-peristiwa penting masa lalu dan perkembangan ketamadunan dengan berteraskan konsep *i'tibār* yang disarankan al-Quran.
4. **Bahasa Arab:** Kajian bahasa Arab yang meliputi aspek kemahiran bahasa, analisis struktur linguistik dan kajian mengenai sastera yang dihasilkan.
5. **Pengajian Islam Gunaan:** Domain pengajian yang memberi penekanan khusus kepada aspek pelaksanaan prinsip dan ajaran Islam secara praktikal dalam sesuatu industri, sektor pekerjaan atau profesion tertentu.

PPT diberi kebebasan untuk membuat penamaan program dalam mana-mana domain berdasarkan kreativiti dan inovasi masing-masing asalkan ada kewajaran akademik.

14

Huraian mengenai matlamat program disediakan berdasarkan tahap pengajian (daripada peringkat sijil hingga doktor falsafah) dan subdomain pengajian. Perlu difahami, matlamat yang ditetapkan mewakili keperluan minimum dan PPT boleh menyediakan matlamat tambahan yang dirasakan sesuai.

SIJIL

Program Pengajian Islam pada peringkat Sijil bertujuan memperengkap pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas dalam Pengajian Islam. Di samping ilmu pengetahuan, mereka perlu disemai dengan integriti moral dan kerohanian atas dasar takwa.

Matlamat Am Program pada peringkat Sijil ialah menghasilkan lulusan yang:

1. mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas dalam Pengajian Islam;
2. boleh mengaplikasi prinsip dan teknik Pengajian Islam selaras dengan kefahaman yang betul berdasarkan pandangan ulama muktabar;

3. mempunyai iltizam moral dan etika yang kuat dalam tingkah laku dan tindakan;
4. mempunyai asas kemahiran interpersonal dan komunikasi;
5. mampu bekerja secara efektif, terutama melalui kerja berpasukan; dan
6. mempunyai kemahiran yang boleh dimanfaatkan untuk pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kerjaya.

Di samping matlamat am, kurikulum mesti memenuhi **Matlamat Khas Program** seperti berikut.

1. USULUDDIN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. pengetahuan asas dalam bidang Usuluddin;
- ii. kefahaman asas mengenai isu utama berkaitan Usuluddin dalam masyarakat; dan
- iii. kefahaman yang betul tentang cara mengaplikasi pengetahuan yang diperolehi.

2. SYARIAH

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. pengetahuan asas dalam bidang syariah;
- ii. kefahaman asas tentang isu syariah dalam masyarakat; dan
- iii. kefahaman yang betul tentang cara mengaplikasi pengetahuan yang diperolehi.

3. SEJARAH DAN TAMADUN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. pengetahuan asas dalam bidang sejarah dan tamadun Islam;
- ii. kefahaman asas tentang perkembangan sejarah Islam pada zaman awal Islam; dan
- iii. kefahaman tentang isu-isu asas mengenai tamadun.

4. BAHASA ARAB

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. keupayaan membaca dalam bahasa Arab pada peringkat pertengahan;
- ii. kemampuan memahami ayat al-Quran dan hadis yang mudah tanpa merujuk terjemahan;
- iii. keupayaan untuk membuat karangan mudah mengenai topik yang ringan; dan
- iv. keupayaan berinteraksi dalam bahasa Arab dengan perbualan ringan.

5. PENGAJIAN ISLAM GUNAAN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. pengetahuan asas mengenai Islam sebagai agama dan cara hidup;
- ii. kemampuan asas untuk menjadi pemberi khidmat sokongan dalam sesuatu sektor perkhidmatan, pentadbiran atau industri; dan
- iii. asas kemahiran berfikir yang boleh meningkatkan kecekapan dalam organisasi.

DIPLOMA

Program Pengajian Islam pada peringkat Diploma bertujuan memperlengkap pelajar dengan pengetahuan tentang pelbagai cabang ilmu agama untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas dan pekerjaan sekurang-kurangnya pada tahap autonomi sederhana. Pelajar perlu diberikan kemahiran yang membolehkan mereka memberi khidmat dan bantuan kepada badan dan organisasi yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal Islam. Mereka juga perlu disemai dengan integriti moral dan kerohanian yang bertunjangan kepada ketakwaan kepada Allah SWT.

Matlamat Am Program pada peringkat Diploma ialah melahirkan lulusan yang:

1. mempunyai pengetahuan tentang Pengajian Islam pada tahap lanjutan dengan kemampuan sederhana untuk memahami kitab klasik (*turāth*);

2. mampu untuk mengaplikasi prinsip-prinsip asas Islam dalam menangani situasi, masalah dan isu kontemporari;
3. mempunyai iltizam moral dan etika yang kuat dalam tingkah laku dan tindakan;
4. mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kebolehan untuk memenuhi keperluan pekerjaan;
5. memiliki kemahiran interpersonal dan komunikasi yang baik;
6. mampu bekerja dalam pasukan dan sedar tentang tanggungjawab sosial berkaitan; dan
7. mempunyai kemahiran yang boleh dimanfaatkan untuk pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kerjaya.

Di samping matlamat am, kurikulum mesti memenuhi **Matlamat Khas Program** seperti berikut.

1. USULUDDIN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. pengetahuan yang mencukupi dalam Pengajian Islam secara umum dan pengetahuan pada tahap lanjutan dalam subbidang Usuluddin yang dipelajari (contohnya aqidah, qiraat, dakwah dan sebagainya);
- ii. kefahaman tentang cara ulama bidang tersebut menganalisis dan menyelesaikan isu dalam masyarakat berdasarkan sumber muktabar;
- iii. kefahaman yang betul tentang cara mengaplikasi pengetahuan yang diperolehi; dan
- iv. kemampuan melakukan pencarian fakta mengenai isu berkaitan usuluddin untuk memberi kefahaman yang betul kepada masyarakat setempat.

2. SYARIAH

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. pengetahuan yang mencukupi dalam Pengajian Islam secara umum dan pengetahuan pada tahap lanjutan dalam bidang syariah;
- ii. kefahaman tentang cara ulama syariah menganalisis dan menyelesaikan isu dalam masyarakat;

- iii. kefahaman yang betul tentang cara mengaplikasi pengetahuan yang diperoleh; dan
- iv. kemampuan melakukan pencarian fakta mengenai isu syariah untuk meningkatkan kefahaman Islam masyarakat setempat.

3. SEJARAH DAN TAMADUN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. pengetahuan yang mencukupi dalam Pengajian Islam secara umum dan pada tahap lanjutan dalam bidang sejarah dan tamadun Islam;
- ii. kefahaman mengenai sejarah Islam dari zaman awal Islam hingga era Abbasiyah;
- iii. kemampuan untuk menganalisis isu asas berkaitan tamadun; dan
- iv. kemampuan untuk menyimpulkan iktibar dan pengajaran daripada peristiwa sejarah.

4. BAHASA ARAB

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. kemahiran membaca dalam bahasa Arab pada tahap lanjutan;
- ii. kecekapan menulis, mendengar dan bertutur dengan bahasa Arab untuk pada tahap pertengahan;
- iii. kemampuan untuk memahami ayat al-Quran, hadis dan bahan Pengajian Islam berkerumitan sederhana; dan
- iv. kefahaman tentang hubung kait bahasa, sastera dan agama.

5. PENGAJIAN ISLAM GUNAAN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. pengetahuan mengenai Islam sebagai agama dan cara hidup pada tahap lanjutan;
- ii. kefahaman mengenai cara ulama bidang Pengajian Islam menganalisis dan menyelesaikan isu dalam masyarakat;
- iii. kemampuan beroperasi bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab tertentu berkaitan industri dengan autonomi terhad; dan

- iv. kemahiran berfikir yang pelbagai bagi tujuan meningkatkan keberkesanan diri dan pasukan dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

IJAZAH SARJANA MUDA

Program Pengajian Islam pada peringkat ijazah Sarjana Muda bertujuan memperengkap pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk memegang tanggungjawab membimbing masyarakat ke arah kefahaman yang benar mengenai agama Islam dan pelaksanaan ajarannya. Lulusan peringkat ini harus mempunyai kemampuan asas untuk meningkatkan pengetahuan secara sendiri mengikut prinsip ilmu yang dipelajari. Mereka juga perlu disemai dengan integriti moral dan kerohanian bertunjangan ketakwaan kepada Allah SWT.

Matlamat Am Program bagi peringkat ijazah Sarjana Muda ialah melahirkan lulusan yang:

1. mempunyai pengetahuan pada tahap tinggi dan bersifat khusus dalam bidang pengajian termasuk kemampuan untuk memahami sumber rujukan klasik (*turāth*);
2. mempunyai kemahiran menulis dan bertutur dalam bahasa Arab pada tahap memuaskan;
3. mampu mengaplikasi prinsip Islam dalam menghadapi situasi, masalah dan isu kontemporari;
4. mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepintaran untuk memenuhi keperluan pekerjaan, terutamanya dalam tugas pengurusan;
5. mampu menggunakan kemahiran berfikir secara kritikal dan analitikal serta kemahiran menyelesaikan masalah dalam menangani sesuatu isu;
6. memiliki kemahiran interpersonal dan komunikasi yang berkesan, termasuk kemahiran asas berbahasa Inggeris;
7. mampu melaksanakan peranan penyeliaan untuk kerja berpasukan dengan menyedari tanggungjawab sosial dan etika yang berkaitan; dan
8. mempunyai kemahiran mencari pengetahuan dan maklumat daripada sumber berwibawa untuk penyelidikan, pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kerjaya.

Di samping matlamat am, kurikulum mesti memenuhi **Matlamat Khas Program** seperti berikut.

1. USULUDDIN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. pengetahuan khusus mengenai subdomain usuluddin yang dipelajari dan keupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan tersebut dalam kehidupan harian;
- ii. keupayaan memahami penulisan ilmiah dalam bahasa Arab;
- iii. kemampuan menghubungkan kait pengetahuan dalam bidang tumpuan pengajian dengan cabang ilmu lain dalam Islam; dan
- iv. pendedahan secukupnya kepada pemikiran semasa dan trend intelektual yang mempunyai kesan ke atas fahaman, persepsi, kepercayaan dan amalan keagamaan dalam masyarakat.

2. SYARIAH

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. pengetahuan khusus mengenai syariah dan keupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan tersebut dalam kehidupan harian;
- ii. kemampuan memahami penulisan ilmiah dalam bahasa Arab;
- iii. kemampuan menghubungkan kait pengetahuan dalam bidang tumpuan pengajian dengan cabang ilmu lain dalam Islam; dan
- iv. kemampuan mengintegrasikan pendapat fuqaha terdahulu dengan dapatan yang relevan daripada disiplin moden.

3. SEJARAH DAN TAMADUN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. kefahaman menyeluruh tentang sejarah Islam dan perkembangan tamadun daripada zaman awal Islam hingga ke era moden;
- ii. pengetahuan dan kefahaman tentang kedatangan Islam di pelbagai rantau, terutamanya di Tanah Melayu dan Nusantara, dan kesannya pada penduduk tempatan;
- iii. kemampuan membuat kesimpulan daripada peristiwa sejarah melalui analisis yang munasabah; dan

- iv. kemampuan menilai situasi sejarah dan kesannya terhadap landskap sejarah kehidupan.

4. BAHASA ARAB

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. penguasaan bahasa Arab tahap tinggi bagi kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur;
- ii. kemampuan menghuraikan struktur bahasa Arab dari segi morfologi, sintaksis, susunan teks dan ciri kewacanaan;
- iii. kemampuan menggunakan ilmu bahasa Arab untuk memahami al-Quran, hadis dan bahan pengajian Islam yang lain dengan baik; dan
- iv. kemampuan menganalisis hubungan bahasa dan sastera Arab dengan agama.

5. PENGAJIAN ISLAM GUNAAN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. pengetahuan praktikal tahap tinggi mengenai ajaran dan prinsip Islam yang dipakai dalam sektor pekerjaan tertentu;
- ii. keupayaan menjalankan fungsi pentadbiran, pengurusan atau penyelidikan berkaitan sektor pekerjaan tertentu dengan autonomi penuh;
- iii. kemampuan menerapkan ajaran Islam dan pandangan yang relevan daripada cendekiawan Muslim dalam amalan semasa sesuatu sektor pekerjaan atau profesion; dan
- iv. pendedahan secukupnya kepada unsur ilmu semasa yang boleh menambah baik prosedur, amalan dan operasi perkhidmatan berunsurkan Islam.

DIPLOMA PASCASISWAZAH

Program Pengajian Islam pada peringkat Diploma Pascasiswazah bertujuan meningkatkan kemahiran praktikal dan/atau kemahiran profesional graduan Pengajian Islam atau graduan bidang lain yang telah didedahkan kepada disiplin Pengajian Islam. Kemahiran yang ingin dibangunkan itu adalah bagi tujuan membolehkan mereka beroperasi dengan cekap dalam sektor perkhidmatan berunsurkan Islam.

Matlamat Am Program untuk Diploma Pascasiswazah ialah melahirkan lulusan yang:

1. menguasai dengan mendalam ilmu pengetahuan dalam bidang yang diikuti dan mampu memahami sumber rujukan klasik (*turāth*);
2. memiliki kemahiran profesional dan kompetensi yang selari dengan profesion atau sektor pekerjaan;
3. mempunyai keluhuran tingkah laku dan iltizam terhadap etika profesion;
4. berkemampuan melaksanakan tugas-tugas pengurusan dan bertanggungjawab terhadapnya;
5. mempunyai kemahiran berfikir secara kritikal dan analitikal serta berkemahiran menyelesaikan masalah dalam sesuatu isu;
6. memiliki kemahiran interpersonal dan komunikasi yang berkesan;
7. mampu menyelia kerja berpasukan dengan penuh sedar akan tanggungjawab sosial dan etika yang berkaitan; dan
8. berkemahiran mencari ilmu pengetahuan dan maklumat daripada sumber-sumber berwibawa untuk penyelidikan, pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kerjaya.

Di samping matlamat am, kurikulum mestilah memenuhi **Matlamat Khas Program** seperti berikut:

1. USULUDDIN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. penguasaan ilmu pada tahap tinggi dalam cabang ilmu Usuluddin yang dipelajari termasuk kecekapan merujuk kitab klasik (*turāth*) dalam bidang pengajian tersebut;

- ii. kemampuan mengaplikasi prinsip dan kaedah yang terpakai dalam bidang pengajian yang diikuti untuk menangani isu semasa;
- iii. pendedahan secara kritikal terhadap disiplin ilmu semasa seperti falsafah moden, psikologi dan sosiologi bagi memahami realiti masyarakat dan meningkatkan keberkesanan berkomunikasi dengan khalayak; dan
- iv. kemampuan menganalisis idea, aliran pemikiran dan fahaman teologi masa kini yang tidak selaras dengan Islam dan menjelaskan sebab-sebabnya secara objektif.

2. SYARIAH

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. penguasaan tahap tinggi terhadap ilmu Syariah, terutamanya dalam mendapatkan maklumat tentang pelbagai pandangan fuqaha mengenai sesuatu perkara;
- ii. kemampuan mengaplikasi prinsip, teori dan kaedah syariah yang relevan dengan keadaan dan situasi;
- iii. pendedahan secara kritikal terhadap bahan ilmu semasa dalam disiplin seperti undang-undang sivil dan kaunseling bagi tujuan menambah baik amalan pelaksanaan syariah yang sedia ada supaya selaras dengan keperluan semasa; dan
- iv. kemampuan untuk mempertahankan syariah daripada usaha untuk menghadkan peranan dan kepentingannya dalam masyarakat masa kini.

3. SEJARAH DAN TAMADUN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. penguasaan ilmu pada tahap tinggi terhadap sejarah dan tamadun Islam dengan tumpuan kepada era tertentu sebagai fokus kepakaran;
- ii. kemampuan mengaplikasi metodologi ilmu sejarah dalam memahami peristiwa-peristiwa utama dalam sejarah Islam;
- iii. kelaziman melakukan *i'tibār* (mengambil pengajaran) dalam meneliti sejarah untuk dijadikan panduan masa kini; dan
- iv. kemampuan menganalisis sumbangan Islam dan ulama Islam kepada dunia.

4. BAHASA ARAB

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. kemampuan menganalisis isu bahasa dalam konteks hubungannya dengan agama, masyarakat dan pengajian keagamaan;
- ii. kemampuan mensintesis idea dalam bahasa atau sastera Arab melalui pelbagai perspektif ilmiah;
- iii. kemampuan mengaitkan kajian bahasa dan/atau sastera Arab dengan usaha meningkatkan kemajuan dan kesejahteraan masyarakat dalam konteks yang lebih luas; dan
- iv. kemampuan menterjemah penulisan ilmiah dan wacana lisan ke dalam/ daripada bahasa Arab.

5. PENGAJIAN ISLAM GUNAAN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. pengetahuan mengenai kepakaran profesional dalam sektor pekerjaan yang berkaitan dengan perkhidmatan berunsurkan Islam;
- ii. kepakaran praktikal dalam bidang tertentu yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam;
- iii. kemampuan merujuk sumber pengajian Islam untuk mendapatkan kefahaman yang betul mengenai asas bagi aspek operasi sesuatu perkhidmatan berunsurkan Islam; dan
- iv. pendedahan secara kritikal kepada unsur ilmu moden yang boleh menambah baik prosedur, amalan dan operasi yang berkaitan dengan perkhidmatan berunsurkan Islam.

IJAZAH SARJANA

Program Pengajian Islam pada peringkat Sarjana bertujuan memperlengkap pelajar dengan pengetahuan yang mendalam mengenai bidang pengkhususan yang diikuti untuk membolehkan mereka memenuhi keperluan Islam dan umat Islam serta menangani cabaran yang dihadapi dalam dunia masa kini.

Matlamat Am Program pada peringkat Sarjana ialah melahirkan lulusan yang mempunyai:

1. penguasaan ilmu secara mendalam terhadap bidang pengajian yang diikuti termasuk kemampuan untuk memahami pemikiran dan idea daripada sumber klasik (*turāth*) dan moden;
2. kemampuan menawarkan idea baru berdasarkan penyelidikan yang jitu dan bertanggungjawab;
3. kemampuan melaksanakan tugas pengurusan;
4. kemahiran berfikir secara kritikal dan analitikal serta berkemahiran menyelesaikan masalah dalam sesuatu isu;
5. kemahiran interpersonal dan komunikasi yang berkesan;
6. kemampuan menyelia kerja berpasukan dengan penuh sedar akan tanggungjawab sosial dan etika yang berkaitan; dan
7. keupayaan tinggi untuk mendapatkan bahan dan maklumat berwibawa bagi tujuan penyelidikan, pembangunan kerjaya dan pembelajaran sepanjang hayat.

Di samping matlamat am, kurikulum mesti memenuhi **Matlamat Khas Program** seperti berikut:

1. USULUDDIN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. penguasaan ilmu yang mendalam dalam cabang ilmu Usuluddin yang diikuti;
- ii. tahap kecekapan yang tinggi dalam menganalisis dan mensintesis pendapat ulama yang berbeza;
- iii. kemampuan mengaplikasi prinsip, teori dan kaedah ilmu yang dipelajari dalam situasi berkaitan; dan
- iv. kemampuan memanfaatkan idea yang berguna daripada disiplin ilmu moden bagi memenuhi keperluan semasa dan mengemukakan penyelesaian alternatif.

2. SYARIAH

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. penguasaan mendalam terhadap ilmu Syariah;
- ii. tahap kecekapan yang tinggi dalam menganalisis dan mensintesis pendapat ulama fikah yang berbeza;
- iii. kemampuan mengaplikasi prinsip, teori dan kaedah syariah dalam situasi berkaitan; dan
- iv. kemampuan memanfaatkan idea yang berguna daripada disiplin ilmu moden bagi memenuhi keperluan semasa dan mengemukakan penyelesaian alternatif.

3. SEJARAH DAN TAMADUN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. penguasaan ilmu secara mendalam terhadap sejarah dan tamadun Islam dengan tumpuan kepada era tertentu sebagai fokus kepakaran;
- ii. kemampuan mengaplikasi metodologi ilmu sejarah dalam memahami peristiwa utama dalam sejarah Islam;
- iii. kelaziman melakukan *i'tibār* (mengambil pengajaran) dalam meneliti sejarah untuk dijadikan panduan masa kini; dan
- iv. kemampuan menjana idea baru yang relevan dengan situasi masa kini berdasarkan penelitian yang cermat terhadap elemen ketamadunan.

4. BAHASA ARAB

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. kemampuan menganalisis dan menilai secara kritikal isu berkaitan bahasa dan/atau sastera Arab secara ilmiah;
- ii. kemampuan mengaitkan kajian bahasa dan/atau sastera Arab dengan usaha meningkatkan kemajuan dan kesejahteraan masyarakat dalam konteks yang lebih luas;
- iii. kemampuan menterjemah penulisan ilmiah dan wacana lisan ke dalam/ daripada bahasa Arab; dan
- iv. kemampuan memberi khidmat nasihat pakar bagi penggunaan bahasa Arab dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, perniagaan, pelancongan dan penyiaran.

5. PENGAJIAN ISLAM GUNAAN

Matlamat khas untuk domain ini ialah memperlengkap pelajar dengan:

- i. pengetahuan mengenai kepakaran profesional dalam sektor pekerjaan yang berkaitan dengan perkhidmatan berunsurkan Islam;
- ii. pengetahuan tahap tinggi dalam subbidang Pengajian Islam yang berkait secara langsung dengan sektor industri/pekerjaan yang dititikberatkan dalam pengajian;
- iii. pengetahuan tahap tinggi tentang unsur disiplin moden yang mempengaruhi prosedur, amalan dan operasi yang berkaitan dengan perkhidmatan berunsurkan Islam; dan
- iv. kemampuan mensintesis idea daripada pelbagai sumber untuk mempertingkatkan amalan profesional semasa.

IJAZAH KEDOKTORAN

Kelayakan peringkat Ijazah Kedoktoran dalam Pengajian Islam perlu memperlengkap graduan dengan kemampuan untuk membangun dan memperkembangkan ilmu pengetahuan serta memperluas pelaksanaan prinsip dan ajaran Islam.

Matlamat Am Program untuk Ijazah Kedoktoran ialah melahirkan lulusan yang:

1. mempunyai kefahaman berfokus dan menonjolkan keserjanaan dalam sesuatu bidang kepakaran;
2. kompeten dalam penyelidikan dengan berlandaskan prinsip Islam dan mampu membangun pengetahuan baru dalam bidang tertentu;
3. mampu menghasilkan penulisan ilmiah yang dapat diterima rakan kesepakaran;
4. mampu menjelaskan idea yang kompleks dan rumit melalui pembentangan atau wacana lisan;
5. prihatin terhadap tanggungjawab profesional dan etika; dan
6. mampu memberi sumbangan ke arah penyelesaian cara Islam bagi isu-isu sosial, ekonomi dan kebudayaan di peringkat nasional dan juga antarabangsa.

Untuk peringkat ini, tiada tujuan khas program disediakan untuk domain pengajian.

HASIL PEMBELAJARAN

Hasil pembelajaran ialah kompetensi yang dicapai pelajar dan boleh diukur sebagai hasil aktiviti pembelajaran. Aktiviti pembelajaran adalah termasuk sesuatu pelajaran, kursus atau program pengajian secara keseluruhan. Apabila pelajar melengkapkan aktiviti pembelajaran seperti kursus, mereka biasanya akan memperoleh sesuatu yang sebelumnya tidak ada pada seperti pengetahuan, kesedaran, kefahaman, kemahiran dan kecekapan baru. Dengan menentukan hasil pembelajaran daripada awal lagi, pelajar akan mendapat gambaran yang jelas tentang standard yang sepatutnya dicapai apabila selesai aktiviti pembelajaran. Hasil pembelajaran minimum bagi sesuatu program pengajian dan ia perlu dipatuhi PPT yang menawarkan program Pengajian Islam.

Dalam bab ini, hasil pembelajaran yang disediakan ialah hasil pembelajaran minimum bagi sesuatu program pengajian dan ia perlu dipatuhi PPT yang menawarkan program Pengajian Islam. Ini bermakna hasil pembelajaran tersebut perlu dimasukkan dalam reka bentuk kurikulum. Seperti yang dinyatakan dalam COPPA:

“Kualiti program akhirnya dinilai oleh keupayaan pelajar menjalankan peranan dan tanggungjawab yang diharapkan mereka dalam masyarakat. Ini memerlukan program untuk mempunyai pernyataan yang jelas tentang hasil pembelajaran yang perlu dicapai oleh pelajar” (COPPA, 2010, ms 15).

Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) telah menetapkan 8 domain hasil pembelajaran yang dianggap penting dalam konteks Malaysia dan oleh itu ia perlu dititikberatkan dalam program akademik, terutama pada peringkat sijil hingga ijazah sarjana muda.

Domain tersebut ialah (MQF, 2007, ms 4):

1. Pengetahuan
2. Kemahiran praktikal
3. Kemahiran dan tanggungjawab sosial
4. Nilai, sikap dan profesionalisme
5. Kemahiran komunikasi, kepimpinan dan pasukan
6. Penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik
7. Kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat
8. Kemahiran pengurusan dan keusahawanan

Pada tahap yang lebih tinggi daripada sarjana muda, pengetahuan, profesionalisme, penyelesaian masalah, pengurusan dan kepimpinan adalah elemen utama yang perlu diperkukuh dalam program yang ditawarkan.

Berikut adalah huraian hasil pembelajaran yang perlu ada dalam Pengajian Islam. Susunan huraian dilakukan mengikut tahap pengajian daripada Sijil hingga ke Ijazah Doktor Falsafah dan setiap tahap pula dipecahkan kepada 5 domain yang digariskan dalam bab Matlamat Program, iaitu Usuluddin, Syariah, Sejarah dan Tamadun, Bahasa Arab dan Pengajian Islam Gunaan. Hasil pembelajaran yang disediakan hanya menggambarkan keperluan minimum dan PPT boleh memberikan hasil pembelajaran tambahan yang sesuai. PPT juga boleh menyusun semula hasil pembelajaran yang dinyatakan dalam dokumen ini untuk disesuaikan dengan konteks masing-masing.

HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM PENGAJIAN ISLAM

Hasil pembelajaran yang diterangkan untuk tahap pengajian dibahagikan kepada hasil pembelajaran am dan khas. Hasil pembelajaran am adalah generik untuk sesuatu peringkat, dengan maksud ia merentasi semua domain pengajian, bidang pengkhususan atau bidang fokus program. Justeru, hasil pembelajaran generik ini perlulah diberi perhatian oleh mana-mana jua program di peringkat berkenaan. Hasil pembelajaran khas ialah hasil yang spesifik kepada domain tertentu dan ia terpakai untuk program di bawah domain tersebut. Oleh itu, dalam reka bentuk kurikulum, kedua-dua hasil pembelajaran am dan khas perlu diambil kira.

SIJIL

Hasil pembelajaran am

Pada akhir pengajian adalah diharapkan pelajar mampu:

1. menghurai pengetahuan asas Pengajian Islam dan kemahiran berkaitan, termasuk menjelaskan istilah Arab yang asas dalam pelbagai subjek;
2. mengaplikasi prinsip dan teknik Pengajian Islam selaras dengan kefahaman yang betul mengenai pandangan ulama muktabar;

3. menunjukkan contoh iltizam moral dan etika dalam tingkah laku dan tindakan;
4. mengguna kemahiran interpersonal dan komunikasi asas serta menonjolkan kesedaran terhadap tanggungjawab sosial;
5. bekerjasama dengan orang lain melalui kerja berpasukan; dan
6. mengaplikasi kemahiran bersesuaian untuk maksud pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kerjaya.

Selain daripada hasil pembelajaran am, PPT mestilah mengusahakan supaya hasil pembelajaran khas yang ditetapkan bagi setiap domain pengajian tercapai.

1. USULUDDIN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menunjukkan kefahaman asas dalam subbidang Usuluddin yang diikuti;
- ii. menjelaskan isu utama berkaitan usuluddin dalam masyarakat; dan
- iii. menunjukkan cara mengaplikasi ilmu pengetahuan berkenaan subbidang tersebut dalam situasi kehidupan sebenar.

2. SYARIAH

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menunjukkan kefahaman asas dalam bidang Syariah;
- ii. menjelaskan isu utama berkaitan syariah dalam masyarakat; dan
- iii. menunjukkan cara mengaplikasi ilmu syariah dalam situasi kehidupan sebenar.

3. SEJARAH DAN TAMADUN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menghurai pengetahuan asas mengenai sejarah dan tamadun Islam;
- ii. menjelaskan perkembangan Islam pada era awal kemunculan Islam; dan
- iii. membincangkan isu asas dalam pembinaan tamadun.

4. BAHASA ARAB

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menunjukkan kemahiran membaca dalam bahasa Arab pada tahap pertengahan;

- ii. menjelaskan maksud ayat al-Quran dan hadis yang mudah tanpa merujuk pada terjemahan;
- iii. membuat karangan mudah mengenai topik yang ringan; dan
- iv. berbual dalam bahasa Arab yang mudah.

5. PENGAJIAN ISLAM GUNAAN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menghurai pengetahuan asas mengenai Islam sebagai agama dan cara hidup;
- ii. menunjukkan kecekapan asas sebagai pemberi khidmat sokongan bagi sesuatu tugas; dan
- iii. mengaplikasi kemahiran berfikir yang asas untuk meningkatkan kecekapan kerja atau keperluan lain.

DIPLOMA

Hasil pembelajaran am

Pada akhir pengajian adalah diharapkan pelajar mampu:

1. menghuraikan kandungan pengetahuan utama dalam bidang pilihan pengajian;
2. merujuk kitab klasik (*turāth*) peringkat asas dalam bidang pilihan pengajian;
3. mengaplikasi prinsip Islam dalam menangani situasi, masalah dan isu kontemporari;
4. memperlihatkan iltizam kepada nilai dan ajaran Islam;
5. melaksanakan tugas rutin dan menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam melakukannya;
6. menggunakan aspek kemahiran interpersonal dan komunikasi yang bersesuaian ketika berurusan dengan orang lain;
7. bekerja secara berpasukan dan memperlihatkan kesedaran tentang tanggungjawab sosial berkaitan; dan
8. menggunakan kemahiran yang bersesuaian untuk pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kerjaya.

Selain daripada hasil pembelajaran am, PPT mestilah mengusahakan supaya hasil pembelajaran khas yang ditetapkan bagi setiap domain pengajian tercapai.

1. USULUDDIN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. memmanifestasi kefahaman mengenai Pengajian Islam secara umum dan kefahaman pada tahap lanjutan terhadap unsur utama subbidang Usuluddin yang dipelajari (contohnya qiraat, aqidah, dakwah dan sebagainya);
- ii. menghuraikan kaedah yang diterima pakai ulama bidang tersebut untuk menganalisis dan menyelesaikan isu dalam masyarakat berdasarkan sumber muktabar;
- iii. menunjukkan cara mengaplikasi ilmu pengetahuan mengenai subbidang yang dipelajari dalam situasi kehidupan sebenar; dan
- iv. melakukan pencarian fakta dengan menggunakan data, bahan kajian dan maklumat yang relevan untuk memberi kefahaman yang betul mengenai isu berkaitan usuluddin dalam masyarakat.

2. SYARIAH

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. memmanifestasi kefahaman mengenai Pengajian Islam secara umum dan kefahaman pada tahap lanjutan terhadap unsur utama ilmu syariah;
- ii. menghuraikan kaedah yang diterima pakai ulama syariah untuk menganalisis dan menyelesaikan isu dalam masyarakat berdasarkan sumber muktabar;
- iii. menunjukkan cara mengaplikasi unsur ilmu syariah dalam situasi kehidupan sebenar; dan
- iv. melakukan pencarian fakta dengan menggunakan data, bahan kajian dan maklumat yang relevan untuk meningkatkan kefahaman terhadap isu syariah dalam masyarakat .

3. SEJARAH DAN TAMADUN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. memmanifestasi kefahaman mengenai Pengajian Islam secara umum dan kefahaman pada tahap lanjutan terhadap unsur utama ilmu sejarah dan tamadun Islam;
- ii. mengupas sejarah Islam daripada zaman awal Islam hingga ke era Abbasiyah;
- iii. menganalisis isu asas berkaitan tamadun; dan
- iv. menyimpulkan pengajaran (*ibrah*) daripada peristiwa sejarah.

4. BAHASA ARAB

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menunjukkan kemahiran membaca dalam bahasa Arab pada tahap tinggi;
- ii. menunjukkan kemahiran menulis, mendengar dan bertutur dengan bahasa Arab pada tahap pertengahan;
- iii. menjelaskan maksud ayat al-Quran, hadis dan bahan pengajian Islam yang tidak terlalu rumit; dan
- iv. menganalisis perkaitan antara bahasa, sastera dan agama.

5. PENGAJIAN ISLAM GUNAAN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. memmanifestasi kefahaman mengenai Islam sebagai agama dan cara hidup pada tahap tinggi;
- ii. menghuraikan kaedah yang diterima pakai pakar pengajian Islam untuk menganalisis dan menyelesaikan isu dalam masyarakat berdasarkan sumber muktabar;
- iii. menunjukkan kecekapan mengendali operasi tertentu dalam sesuatu sektor industri dengan tahap autonomi terhad; dan
- iv. menggunakan pelbagai kemahiran analitikal yang dapat meningkatkan keberkesanan diri dan pasukan dalam melaksanakan sesuatu tugas.

IJAZAH SARJANA MUDA

Hasil pembelajaran am

Pada akhir pengajian, adalah diharapkan pelajar mampu:

1. memmanifestasi penguasaan ilmu pengetahuan dalam bidang pengajian termasuk memahami sumber rujukan klasik (*turāth*) yang berkenaan;
2. menunjukkan kemahiran menulis dan bertutur dalam bahasa Arab pada tahap memuaskan;
3. mengaplikasi prinsip Islam dalam situasi semasa;
4. melaksanakan tugas pengurusan dan menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam melakukannya;
5. menggunakan kemahiran berfikir secara kritikal dan analitikal serta berkemahiran menyelesaikan masalah dalam isu yang berkaitan;
6. mengaplikasi kemahiran interpersonal dan komunikasi secara berkesan;
7. menggunakan bahasa Inggeris pada kadar yang mencukupi;
8. melaksanakan tugas penyeliaan dalam kerja berpasukan dengan penuh sedar akan tanggungjawab sosial dan etika yang berkaitan; dan
9. menggunakan kemahiran pencarian ilmu dan maklumat daripada sumber berwibawa untuk penyelidikan, pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kerjaya.

Selain daripada hasil pembelajaran am, PPT mestilah mengusahakan supaya hasil pembelajaran khas yang ditetapkan bagi setiap domain pengajian tercapai.

1. USULUDDIN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. memmanifestasi kefahaman terhadap falsafah, prinsip dan objektif subbidang Usuluddin yang dipelajari;
- ii. menunjukkan cara mengaplikasi ilmu yang dipelajari dalam situasi kehidupan sebenar;
- iii. merujuk penulisan ilmiah berkenaan usuluddin dalam bahasa Arab dan menjelaskan kandungannya dengan tepat;
- iv. menghubungkan kait pengetahuan dalam bidang pengajian dengan cabang ilmu Islam yang lain;

- v. menganalisis pemikiran dan aliran intelektual semasa yang mempunyai kesan terhadap kefahaman, persepsi, kepercayaan dan amalan keagamaan dalam masyarakat; dan
- vi. mengadunkan pandangan ulama silam dengan dapatan ilmu moden yang relevan.

2. SYARIAH

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. memanifestasi kefahaman terhadap falsafah, prinsip dan objektif syariah sebagai satu disiplin pengajian;
- ii. menunjukkan cara mengaplikasi ilmu yang dipelajari dalam situasi kehidupan sebenar;
- iii. merujuk penulisan ilmiah berkenaan syariah dalam bahasa Arab dan menjelaskan kandungannya dengan tepat;
- iv. menghubungkan kait pengetahuan dalam bidang pengajian dengan cabang ilmu Islam yang lain;
- v. mengadunkan pandangan ulama fikah silam dengan dapatan ilmu moden yang relevan; dan
- vi. menganalisis pemikiran dan aliran intelektual semasa yang mempengaruhi kefahaman dan persepsi masyarakat terhadap syariah.

3. SEJARAH DAN TAMADUN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menghurai sejarah dan perkembangan tamadun Islam dari zaman awal Islam hingga ke era moden;
- ii. memperihalkan kedatangan Islam di pelbagai rantau, terutamanya di Tanah Melayu dan Nusantara, serta menjelaskan kesan kedatangan Islam pada bangsa Melayu;
- iii. membuat kesimpulan daripada peristiwa sejarah berdasarkan analisis yang tuntas; dan
- iv. menilai situasi sejarah dan kesannya terhadap landskap sejarah kehidupan.

4. BAHASA ARAB

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menunjukkan kecekapan berbahasa Arab pada tahap tinggi merangkumi keempat-empat domain utama kemahiran bahasa iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur;
- ii. menghuraikan struktur bahasa Arab dari segi morfologi, sintaksis, susunan teks dan ciri-ciri kewacanaan;
- iii. menggunakan ilmu bahasa Arab untuk memahami al-Quran, hadis dan bahan pengajian Islam yang lain; dan
- iv. menganalisis perkaitan antara bahasa, sastera dan agama.

5. PENGAJIAN ISLAM GUNAAN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menunjukkan penguasaan ilmu pengetahuan tahap tinggi mengenai aspek praktikal pelaksanaan ajaran dan prinsip Islam dalam sektor pekerjaan tertentu;
- ii. menunjukkan kecekapan mengendalikan operasi tertentu dalam sesuatu sektor industri dengan tahap autonomi penuh;
- iii. mengadunkan kehendak Islam dan idea yang relevan daripada cendekiawan Muslim dalam amalan semasa sesuatu sektor pekerjaan atau profesion; dan
- iv. mengenal pasti dapatan ilmu moden yang boleh menambah baik prosedur, amalan dan operasi perkhidmatan berunsurkan Islam.

DIPLOMA PASCASISWAZAH

Hasil pembelajaran am

Pada akhir pengajian, adalah diharapkan pelajar mampu:

1. memanifestasi penguasaan ilmu pengetahuan dalam bidang pengajian termasuk memahami sumber rujukan klasik (*turāth*) yang berkenaan;
2. mengaplikasi kemahiran profesional dan kompetensi yang selari dengan profesion atau sektor pekerjaan yang berkenaan;
3. menunjukkan iltizam terhadap keluhuran tingkah laku dan etika profesion;

4. melaksanakan tugas pengurusan dan memegang tanggungjawab yang berkaitan dengannya;
5. menonjolkan kemahiran berfikir secara kritikal dan analitikal serta kemahiran menyelesaikan masalah dalam merungkaikan sesuatu isu;
6. mengaplikasi kemahiran interpersonal dan komunikasi yang berkesan;
7. menyelia kerja berpasukan dan menunjukkan keprihatinan terhadap tanggungjawab sosial dan etika yang berkaitan; dan
8. mengaplikasi kemahiran mencari ilmu dan maklumat daripada sumber berwibawa untuk penyelidikan, pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kerjaya.

Selain daripada hasil pembelajaran am, PPT mestilah mengusahakan supaya hasil pembelajaran khas yang ditetapkan bagi setiap domain pengajian tercapai.

1. USULUDDIN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menunjukkan penguasaan ilmu pada tahap tinggi dalam subbidang Usuluddin yang dipelajari termasuk kecekapan merujuk sumber-sumber klasik (*turāth*) dalam bidang pengajian tersebut;
- ii. mengaplikasi prinsip dan kaedah yang diterima pakai dalam bidang pengajian untuk menangani isu semasa;
- iii. mengenal pasti unsur yang relevan dalam disiplin ilmu semasa seperti falsafah moden, psikologi dan sosiologi untuk dimanfaatkan bagi tujuan memahami realiti masyarakat dan meningkatkan keberkesanan berkomunikasi dengan khalayak; dan
- iv. menganalisis idea, aliran pemikiran dan fahaman teologi masa kini yang tidak selaras dengan Islam dan menjelaskan sebabnya secara objektif.

2. SYARIAH

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menunjukkan penguasaan tahap tinggi terhadap ilmu syariah, terutamanya dalam meneliti kepelbagaian pandangan fuqaha;
- ii. mengaplikasi prinsip, teori dan kaedah syariah yang relevan dengan keadaan dan situasi;

- iii. mengenal pasti unsur yang relevan dalam disiplin lain seperti undang-undang sivil dan kaunseling untuk dimanfaatkan bagi tujuan menambah baik amalan pelaksanaan sedia ada dan memenuhi keperluan semasa; dan
- iv. memberi penjelasan secara rasional mengenai kepentingan syariah Islamiah di sebalik usaha untuk menghadkan peranan dan keutuhannya dalam masyarakat masa kini.

3. SEJARAH DAN TAMADUN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menunjukkan penguasaan ilmu pada tahap tinggi mengenai sejarah dan tamadun Islam dengan tumpuan kepada era tertentu sebagai fokus kepakaran;
- ii. mengaplikasi metodologi ilmu sejarah dalam memahami peristiwa utama dalam sejarah Islam;
- iii. meneliti peristiwa sejarah dan menyimpulkan pengajaran daripadanya untuk dijadikan panduan masa kini; dan
- iv. menganalisis sumbangan Islam dan ulama Islam kepada dunia.

4. BAHASA ARAB

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menganalisis isu bahasa dalam konteks hubungannya dengan agama, masyarakat dan pengajian keagamaan;
- ii. mensintesis idea dalam bahasa atau sastera Arab melalui pelbagai perspektif ilmiah;
- iii. menunjukkan hubungan antara kajian bahasa dan/atau sastera Arab dengan usaha ke arah meningkatkan kemajuan dan kesejahteraan masyarakat dalam konteks yang lebih luas; dan
- iv. menterjemah penulisan ilmiah dan wacana lisan ke dalam/daripada bahasa Arab.

5. PENGAJIAN ISLAM GUNAAN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menjelaskan aspek ilmu pengetahuan mengenai sesuatu kepakaran profesional dalam sektor pekerjaan yang melibatkan perkhidmatan berunsurkan Islam;
- ii. menunjukkan kecekapan praktikal tahap tinggi bagi mengendalikan operasi tertentu dalam sesuatu sektor industri;
- iii. merujuk sumber-sumber pengajian Islam untuk mendapatkan kefahaman yang betul mengenai asas bagi aspek operasi sesuatu perkhidmatan berunsurkan Islam; dan
- iv. mengenal pasti unsur ilmu moden yang boleh menambah baik prosedur, amalan dan operasi yang berkaitan dengan perkhidmatan berunsurkan Islam.

IJAZAH SARJANA

Hasil pembelajaran am

Pada akhir pengajian adalah diharapkan pelajar mampu:

1. memanifestasi penguasaan ilmu secara mendalam terhadap bidang pengajian yang diikuti termasuk kemampuan menganalisis pemikiran dan idea daripada sumber klasik (*turāth*) dan moden;
2. mengemukakan idea baru hasil daripada penyelidikan yang jitu dan bertanggungjawab;
3. menghasilkan dan membentang penulisan ilmiah berasaskan penyelidikan dengan standard yang dapat diterima oleh rakan kesepakaran;
4. melaksanakan tugas pengurusan dan memegang tanggungjawab yang berkaitan dengannya;
5. menonjolkan kemahiran berfikir secara kritikal dan analitikal serta kemahiran menyelesaikan masalah dalam merungkai sesuatu isu;
6. mengaplikasi kemahiran interpersonal dan komunikasi yang berkesan;
7. menyelia kerja berpasukan dan menunjukkan keprihatinan terhadap tanggungjawab sosial dan etika yang berkaitan; dan

8. menonjolkan kecekapan mendapatkan bahan dan maklumat berwibawa bagi tujuan penyelidikan, pembangunan kerjaya dan pembelajaran sepanjang hayat.

Selain daripada hasil pembelajaran am, PPT mestilah mengusahakan supaya hasil pembelajaran khas yang ditetapkan bagi setiap domain pengajian tercapai.

1. USULUDDIN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. memanifestasi penguasaan ilmu yang mendalam terhadap subbidang Usuluddin yang diikuti;
- ii. menganalisis secara kritikal pendapat ulama yang berbeza dan menggunakan pelbagai sumber untuk menghasilkan idea secara sintesis;
- iii. mengaplikasi prinsip, teori dan kaedah ilmu dalam bidang yang dipelajari bagi situasi semasa yang berkaitan; dan
- iv. menggunakan idea yang bersesuaian daripada disiplin ilmu moden bagi memenuhi keperluan semasa dan mengemukakan penyelesaian alternatif.

2. SYARIAH

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. memanifestasi penguasaan mendalam terhadap ilmu Syariah;
- ii. menganalisis secara kritikal pendapat ulama yang berbeza dan menggunakan pelbagai sumber untuk menghasilkan idea secara sintesis;
- iii. mengaplikasi prinsip, teori dan kaedah syariah dalam situasi semasa yang berkaitan; dan
- iv. menggunakan idea yang bersesuaian daripada disiplin ilmu moden bagi memenuhi keperluan semasa dan mengemukakan penyelesaian alternatif.

3. SEJARAH DAN TAMADUN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. memmanifestasi penguasaan ilmu secara mendalam terhadap sejarah dan tamadun Islam dengan tumpuan kepada era tertentu sebagai fokus kepakaran;
- ii. mengaplikasi metodologi ilmu sejarah bagi memahami peristiwa utama dalam sejarah Islam;
- iii. meneliti peristiwa sejarah dan menyimpulkan pengajaran daripadanya untuk dijadikan panduan masa kini; dan
- iv. menjana idea baru yang relevan dengan situasi masa kini berdasarkan penelitian yang cermat terhadap unsur ketamadunan.

4. BAHASA ARAB

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menganalisis dan menilai secara kritikal isu berkaitan bahasa dan/atau sastera Arab secara ilmiah;
- ii. menunjukkan bagaimana kajian bahasa dan/atau sastera Arab dapat menyokong usaha meningkatkan kesejahteraan dan kemajuan masyarakat dalam konteks yang lebih luas;
- iii. menterjemahkan penulisan ilmiah dan wacana lisan ke dalam/daripada bahasa Arab; dan
- iv. menganalisis serta menjana langkah strategik untuk meningkatkan penggunaan bahasa Arab dalam sektor pekerjaan seperti pendidikan, perniagaan, pelancongan dan penyiaran.

5. PENGAJIAN ISLAM GUNAAN

Pada akhir pengajian, pelajar seharusnya mampu:

- i. menghuraikan aspek teknikal dan operasi bagi sesuatu tugas atau proses dalam industri tertentu yang diberi perhatian sebagai bidang fokus program;
- ii. menunjukkan kefahaman tahap tinggi tentang unsur atau subdisiplin Pengajian Islam yang berkait langsung dengan bidang industri yang menjadi fokus program;

- iii. menyumbang idea baru dalam menangani isu semasa berdasarkan penelitian yang cermat terhadap bahan yang relevan dalam Pengajian Islam; dan
- iv. menggunakan idea yang bersesuaian daripada disiplin ilmu moden untuk menambah baik prosedur, amalan dan operasi yang berkaitan dengan perkhidmatan berunsurkan Islam.

IJAZAH KEDOKTORAN

Hasil pembelajaran am

Pada akhir pengajian adalah diharapkan pelajar mampu:

1. menjana ilmu dan kefahaman melalui penyelidikan sendiri;
2. menonjolkan kepakaran akademik dan memberi kepimpinan penyelidikan dalam bidang berkaitan;
3. menghasilkan penyelidikan dan penulisan ilmiah berwasit;
4. memberi input dan sumbang saran yang bermakna dalam wacana akademik yang melibatkan rakan kesepakaran dan pakar disiplin berkaitan;
5. menganjurkan pembangunan sosiobudaya berlandaskan Islam dalam masyarakat melalui kapasiti akademik dan profesional;
6. menonjolkan tingkah laku bersesuaian dengan etika profesion, kehendak undang-undang dan tanggungjawab berkaitan; dan
7. menyelia projek penyelidikan.

Item di atas merentasi semua bidang pengajian ijazah kedoktoranh. Justeru, dokumen ini tidak menggariskan hasil pembelajaran khas berkenaan domain sebagaimana yang ada pada peringkat lebih rendah.

REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

Bagi tujuan pelaksanaan Standard Program ini, rujukan dibuat pada Kod Amalan Akreditasi Program, khususnya Bidang 2: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum. Sebagaimana yang dinyatakan dalam buku kod amalan tersebut:

“Istilah ‘reka bentuk dan penyampaian kurikulum’ digunakan secara bertukar ganti dengan istilah ‘reka bentuk dan penyampaian program’. ‘Program’ bermaksud susunan modul yang distruktur untuk suatu tempoh tertentu dan peringkat pembelajaran, bertujuan mencapai hasil pembelajaran yang telah ditentukan dan yang lazimnya menjurus kepada penganugerahan suatu kelayakan” (COPPA, 2010, ms.18).

Dalam menawarkan program Pengajian Islam, PPT dan kakitangannya harus beriltizam dengan matlamat pendidikan Islam, iaitu memupuk pelajar untuk menjadi individu muslim yang komited mengamalkan Islam sebagai cara hidup yang benar, iaitu dengan melaksanakan bukan sahaja perkara yang bersifat ritual tetapi juga memelihara keluhuran tingkah laku zahir dan batin mengikut asas moral dan ketakwaan dalam Islam.

Oleh yang demikian, dalam menyampaikan kandungan kurikulum, PPT perlu memberi perhatian terhadap elemen asas pendidikan Islam seperti:

1. menyampaikan prinsip dan nilai hidup yang benar;
2. menerapkan penguasaan cabang ilmu dan kemahiran;
3. menyampaikan pengetahuan yang benar dan bertepatan dengan hakikat sesuatu;
4. meningkatkan secara berkesan personaliti dan perwatakan insan; dan
5. menyemaikan adab dan kewajaran tingkah laku dalam kehidupan dan kerjaya.

Pelaksanaan elemen ini boleh membantu memastikan kejayaan hakiki proses pendidikan dalam menghadapi cabaran kontemporari.

Jadual akan diberikan bagi menjelaskan penanda aras untuk semua tahap kelayakan dan menghuraikan keperluan untuk pelbagai kategori subjek/kursus. Dalam dokumen polisi Majlis Pengajian Tinggi Negara, subjek/kursus dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu kursus wajib universiti, kursus teras dan kursus elektif. Oleh sebab dokumen ini bertujuan meliputi keperluan bagi program di kolej, kolej universiti dan universiti, kursus yang diwajibkan oleh sesebuah institusi pengajian akan dirujuk sebagai kursus/komponen wajib PPT. Dalam Kod Amalan Akreditasi Program, kursus seumpama ini dirujuk dengan lebih ringkas iaitu "kursus wajib". Jadi PPT boleh memilih mana-mana istilah "kursus/komponen wajib universiti", "kursus/komponen wajib PPT" dan "kursus wajib" secara bertukar ganti. Komponen teras pula telah dibahagikan kepada dua subkomponen iaitu: (a) kursus pengantar kepada ilmu utama dalam disiplin Pengajian Islam; dan (b) kursus yang mewakili bidang tumpuan pengajian. Kumpulan pertama akan dirujuk sebagai Teras Umum Pengajian Islam dan kumpulan kedua dirujuk sebagai major.

1. SIJIL

Jadual 1:

KREDIT MINIMUM - 60			
KOMPONEN		KREDIT MINIMUM	CATATAN
Komponen wajib PPT		9	
Komponen teras	Teras umum Pengajian Islam	15	Sila rujuk Lampiran 1 untuk butiran kandungan kurikulum
	Major	30	
Jumlah		54*	

* Untuk memenuhi syarat kredit minimum 60 kredit, baki 6 kredit boleh dimasukkan dalam mana-mana komponen.

2. DIPLOMA

Jadual 2:

KREDIT MINIMUM - 90			
KOMPONEN		KREDIT MINIMUM	CATATAN
Komponen wajib PPT		9	
Komponen teras	Teras umum Pengajian Islam	21	Sila rujuk Lampiran 1 untuk butiran kandungan kurikulum
	Major	42	
Komponen elektif		6	
Jumlah		78*	

* Untuk memenuhi syarat kredit minimum 90 kredit, baki 12 kredit boleh dimasukkan dalam mana-mana komponen.

3. IJAZAH SARJANA MUDA

i. Program Major Tunggal

a. Tanpa subbidang pengkhususan (tidak dinyatakan dalam nama program)

Contoh: Sarjana Muda Usuluddin

Jadual 3:

KREDIT MINIMUM - 120			
KOMPONEN		KREDIT MINIMUM	CATATAN
Komponen wajib PPT		18	
Komponen teras	Teras umum Pengajian Islam	30	Sila rujuk Lampiran 1 untuk butiran kandungan kurikulum .
	Major	42	
Komponen elektif	Bersandarkan major	18	
	Terbuka	12	
Jumlah		120	

b. Dengan subbidang pengkhususan yang dimasukkan dalam nama program

Contoh: Sarjana Muda Usuluddin (Pengajian Dakwah)

Jadual 4:

KREDIT MINIMUM - 120			
KOMPONEN		KREDIT MINIMUM	CATATAN
Komponen wajib PPT		18	
Komponen teras	Teras umum Pengajian Islam	30	
	Major	42	Dalam lingkungan dua komponen ini, sebanyak 30 ke 36 kredit mesti diperuntukkan kepada kursus / subjek subbidang pengkhususan.
Komponen elektif	Bersandarkan Major	18	
	Terbuka	12	
Jumlah		120	

Keterangan Tambahan Jadual 3 and 4

1. PPT digalakkan untuk memasukkan latihan industri sebagai satu daripada elemen wajib program. Dalam situasi ini, jumlah keseluruhan kredit program biasanya perlu ditingkatkan. Jika latihan industri tersebut berkait dengan kompetensi yang merupakan elemen asas bidang pengkhususan major (seumpama latihan mengajar dalam konteks pendidikan), kredit untuk latihan industri boleh dikira sebahagian daripada kredit minimum 120 jam (tanpa tambahan jam kredit ke atas 120 kredit tersebut). Jika latihan industri tidak diwajibkan, ia boleh dijadikan elektif dan dengan cara ini, kredit minimum 120 boleh juga dikekalkan. Tertakluk pada keperluan khusus sesuatu program, antara 3 hingga 10 kredit boleh diperuntukkan kepada latihan industri.
2. Untuk elektif terbuka, kursus/subjek ditawarkan boleh diambil daripada mana-mana disiplin termasuk Pengajian Islam.

ii. Program Major-Minor

kredit minimum untuk mod ini ialah 138, dengan komponen minor membentuk sekurang-kurangnya 30 kredit. Tiga puluh (30) kredit ditetapkan sebagai syarat minimum kerana peruntukan dalam MQF menyatakan bahawa komponen minor

dalam program sarjana muda mesti mewakili sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah kredit keseluruhan sesuatu program. Oleh sebab tahap minimum MQF untuk ijazah sarjana muda ialah 120 kredit, 25% bermakna 30 kredit. Justeru, kredit minimum untuk minor ditetapkan sebagai 30 kredit.

Jika bidang minor melibatkan satu disiplin yang memerlukan akreditasi profesional, PPT perlulah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan badan profesional yang berkaitan sebelum menawarkan minor tersebut secara kombinasi dengan Pengajian Islam. Jika ini tidak dilakukan, keseluruhan program mungkin tidak dapat diakreditasi sama sekali.

Komponen kurikulum untuk mod ini ialah seperti berikut:

Jadual 5:

KREDIT MINIMUM - 138			
KOMPONEN		KREDIT MINIMUM	CATATAN
Komponen wajib PPT		18	
Komponen teras	Teras umum	30	Sila rujuk Lampiran 1 untuk butiran kandungan kurikulum .
	Pengajian Islam Major	42	
Komponen elektif	Bersandarkan major	18	
	Minor	30	
Jumlah		138	

Catatan:

Jika latihan industri dimasukkan ke dalam struktur kurikulum, jumlah keseluruhan jam kredit program biasanya perlu ditingkatkan. Jika latihan industri tersebut berkait dengan kompetensi yang merupakan elemen asas bidang pengkhususan major (seumpama latihan mengajar dalam konteks pendidikan), kredit untuk latihan industri boleh dikira sebahagian daripada kredit minimum 138 jam. Latihan industri boleh juga dijadikan elektif dan dengan cara ini, kredit minimum 138 jam boleh dikekalkan. Tertakluk pada keperluan khusus sesuatu program, antara 3 hingga 10 kredit boleh diperuntukkan kepada latihan industri.

iii. Program Dwimajor

Kredit minimum untuk mod ini ialah 162, dengan komponen major kedua membentuk sekurang-kurangnya 60 jam kredit. Enam puluh (60) kredit dijadikan tahap minimum kerana syarat umum Majlis Pendidikan Tinggi Negara menetapkan bahawa sebanyak 50 ke 60 peratus daripada kredit keseluruhan program sarjana muda mesti diperuntukkan bagi komponen major. Oleh sebab tahap minimum MQF untuk sarjana muda ialah 120 kredit, peratusan tersebut menjadi antara 60 hingga 72 jam kredit. Justeru, kredit minimum untuk major kedua ditetapkan sebagai 60 kredit. Walau bagaimanapun, jika major kedua merupakan satu bidang yang dikawal selia oleh badan profesional, syarat yang ditetapkan oleh badan tersebut mestilah dipatuhi.

Pembahagian 162 jam kredit tersebut adalah seperti berikut:

a. Pengajian Islam sebagai Major Pertama

Jadual 6:

KREDIT MINIMUM - 162			
KOMPONEN		KREDIT MINIMUM	CATATAN
Komponen wajib PPT		18	
Komponen teras	Teras umum Pengajian Islam	30	Sila rujuk Lampiran 1 untuk butiran kandungan kurikulum .
	Major (bidang Pengajian Islam)	54	
Komponen teras major kedua		60	
Jumlah		162	

Catatan:

PPT boleh memperuntukkan antara 3 hingga 10 kredit untuk latihan industri bagi mod ini. Jika latihan industri tersebut berkait dengan kompetensi yang merupakan elemen asas bidang pengkhususan major (seumpama latihan mengajar dalam konteks pendidikan), kredit untuk latihan industri boleh dikira sebahagian daripada kredit minimum 162.

b. Pengajian Islam sebagai Major Kedua

Jadual 7:

KREDIT MINIMUM - 162			
KOMPONEN		KREDIT MINIMUM	CATATAN
Komponen wajib PPT		18	
Komponen teras major pertama (bukan bidang Pengajian Islam)		72	72 kredit sudah melebihi 50% daripada tahap minimum 120 dalam MQF, tetapi ia ditetapkan sedemikian untuk keseimbangan dengan 72 kredit yang diperlukan bagi komponen Pengajian Islam (lihat di bawah). Jika disiplin major pertama memerlukan lebih daripada 72 kredit kerana wujudnya kehendak piawaian profesional, maka syarat tersebut harus dipatuhi.
Komponen teras Pengajian Islam	Teras Umum Pengajian Islam	30	Komponen Pengajian Islam mesti membentuk sekurang-kurangnya 72 kredit dalam program.
	Major	42	
Jumlah		162	

Catatan:

1. PPT boleh memperuntukkan antara 3 hingga 10 kredit untuk latihan industri bagi mod ini. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, dalam keadaan tertentu, latihan industri masih boleh menjadi sebahagian daripada 162 kredit.
2. Memandangkan Pengajian Islam menjadi satu daripada bidang pengkhususan major dalam mod ini, syarat kemasukan mestilah sama seperti syarat yang ditetapkan untuk kemasukan ke program major tunggal Pengajian Islam di peringkat sarjana muda.

4. DIPLOMA PASCASISWAZAH

Jadual 8:

KREDIT MINIMUM - 30		
KOMPONEN	KREDIT MINIMUM	CATATAN
Major	21	Sila rujuk Lampiran 1 untuk butiran kandungan kurikulum.
Jumlah	21*	

* Untuk memenuhi syarat kredit minimum 30, baki 9 kredit boleh diwakili oleh mana-mana subjek tambahan di bawah major, elektif, latihan industri, kertas projek dan sebagainya.

5. IJAZAH SARJANA

i. Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus

Jadual 9:

KREDIT MINIMUM - 40		
KOMPONEN	KREDIT MINIMUM	CATATAN
Major	30	Sila rujuk Lampiran 1 untuk butiran kandungan kurikulum.
Kertas projek/Latihan industri	4	
Jumlah	34*	

* Untuk memenuhi syarat kredit minimum 40, baki 6 kredit boleh diwakili oleh mana-mana subjek tambahan di bawah major, elektif, kombinasi major dan elektif, atau kombinasi subjek dengan kertas projek/latihan industri yang ditingkatkan kreditnya.

ii. Ijazah Sarjana secara Mod Campuran (kerja kursus dan disertasi)

Jadual 10:

KREDIT MINIMUM – 40		
KOMPONEN	KREDIT MINIMUM	CATATAN
Major	18	Sila rujuk Lampiran 1 untuk butiran kandungan kurikulum .
Disertasi	10	Kredit yang diperuntukkan tidak boleh melebihi 50% dari jumlah keseluruhan jam kredit program.
Jumlah	28*	

* Untuk memenuhi syarat kredit minimum 40, baki 12 kredit boleh diwakili oleh mana-mana subjek tambahan di bawah major, elektif, kombinasi major dan elektif, atau kombinasi subjek dengan komponen disertasi dengan kredit yang ditingkatkan.

iii. Ijazah Sarjana secara Penyelidikan

Jadual 11:

KREDIT MINIMUM – penentuan nilai kredit tidak disyaratkan	
KOMPONEN	CATATAN
Tesis	<ul style="list-style-type: none">• Untuk mod ini, PPT boleh mewajibkan kursus prasyarat tertentu seperti kaedah penyelidikan.• Panjang tesis biasanya antara 30,000 ke 60,000 patah perkataan.

6. IJAZAH KEDOKTORAN

i. Ijazah Kedoktoran secara Mod Campuran

Jadual 12:

KREDIT MINIMUM - penentuan nilai kredit tidak disyaratkan	
KOMPONEN	CATATAN
Major	Jumlah subjek/kursus tertakluk pada budi bicara PPT.
Disertasi	Biasanya antara 50,000 ke 80,000 patah perkataan.

ii. Ijazah Kedoktoran secara Penyelidikan

Jadual 13:

KREDIT MINIMUM – penentuan nilai kredit tidak disyaratkan	
KOMPONEN	CATATAN
Tesis	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk mod ini, PPT boleh mewajibkan kursus prasyarat tertentu seperti kaedah penyelidikan. • Panjang tesis biasanya antara 60,000 ke 100,000 perkataan.

PENILAIAN PEMBELAJARAN PELAJAR

Berdasarkan prinsip yang mendasari MQF, penilaian terikat dengan hasil pembelajaran. Oleh itu, ia merupakan komponen asas pembelajaran. Justeru, dalam amalan penilaian PPT perlu memberi perhatian serius terhadap penilaian pembelajaran dan juga penilaian untuk pembelajaran. Dalam erti kata lain, penilaian sumatif dan formatif hendaklah sentiasa dikaitkan dengan usaha-usaha jaminan kualiti oleh PPT. Dalam hal ini, COPPA menyatakan:

“Penilaian pelajar merupakan satu aspek yang cukup penting dalam jaminan kualiti disebabkan ia mampu mendorong pembelajaran. Ia merupakan salah satu langkah yang amat berguna untuk menunjukkan pencapaian hasil pembelajaran. Hasil penilaian ini juga merupakan asas penganugerahan kelayakan. Justeru, kaedah penilaian pelajar perlulah jelas, konsisten, berkesan, dipercayai serta selari dengan amalan-amalan terkini dan mesti secara jelas membantu pencapaian hasil pembelajaran” (COPPA, 2010, ms. 22).

Kaedah penilaian bergantung pada keperluan khusus setiap subjek/kursus. Walau bagaimanapun, sebagai panduan umum, perkara berikut perlu dipertimbangkan:

1. gabungan pelbagai kaedah penaksiran untuk mengukur pencapaian hasil pembelajaran;
2. kesepaduan penilaian sumatif dan formatif;
3. kesesuaian kaedah penilaian dengan hasil pembelajaran. Contohnya, peperiksaan bertulis sesuai untuk menilai pengetahuan dan kefahaman teori tetapi kemahiran insaniah lebih sesuai dinilai melalui pembentangan (multimedia atau lain-lain), projek kumpulan dan kerja lapangan.

Sebagai satu perkara dasar, PPT perlu memastikan bahawa amalan penilaian mematuhi prinsip-prinsip asasnya iaitu ia mesti adil, sah dan boleh dipercayai. Justeru, PPT digalakkan untuk menggunakan pelbagai kaedah dan cara yang sesuai untuk mengukur hasil pembelajaran dan kompetensi. Seterusnya, hasil pembelajaran subjek secara kumulatif perlu membawa kepada pencapaian hasil pembelajaran program.

Secara umumnya PPT bebas untuk menentukan bentuk penilaian bagi subjek-subjek yang ditawarkan, namun piawaian berikut mesti dipatuhi:

1. Untuk subjek Teras Umum Pengajian Islam di peringkat sijil hingga ijazah sarjana muda, sekurang-kurangnya 40 peratus (40%) daripada jumlah 100 markah yang diperuntukkan bagi setiap subjek mestilah dalam bentuk peperiksaan akhir pada penghujung semester kecuali jika terdapat justifikasi tertentu, seperti status kursus yang bersifat praktikal. Dalam kes sedemikian, syarat ini boleh diabaikan.
2. Disertasi Ijazah Sarjana yang disediakan untuk program dalam mod penyelidikan penuh mesti dinilai oleh sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa, dan seorang daripada mereka mestilah pemeriksa luar. Calon perlu menjalani *submission defense* dan/atau *viva*. Pemeriksa pula perlu menghasilkan laporan bertulis mengenai penilaian terhadap tesis yang telah diperiksa.
3. Pemeriksa luar disertasi Ijazah Sarjana bagi mod penyelidikan penuh perlu memenuhi kriteria berikut:
 - i. pemeriksa mesti telah menyempurnakan penyeliaan sekurang-kurangnya satu disertasi sarjana; dan
 - ii. pemeriksa mesti mempunyai latar belakang pengetahuan tentang bidang kajian yang disentuh dalam tesis.
4. Tesis Ijazah Kedoktoran yang dihasilkan dalam program mod campuran mesti dinilai oleh sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa dan seorang daripada mereka mestilah pemeriksa luar. Calon perlu menjalani *viva* dan pemeriksa mesti menyediakan laporan bertulis mengenai penilaian mereka.
5. Tesis Ijazah Kedoktoran yang dihasilkan dalam program mod penyelidikan penuh mesti diperiksa oleh sekurang-kurangnya tiga pemeriksa dan dua daripada mereka mestilah pemeriksa luar. Calon perlu menjalani *viva* dan pemeriksa mesti menyediakan laporan bertulis mengenai penilaian mereka.
6. Pemeriksa luar tesis doktor falsafah (bagi kedua-dua mod campuran dan mod penyelidikan penuh) perlu memenuhi kriteria berikut:
 - i. pemeriksa pernah menyelia satu tesis yang lulus di peringkat Ijazah Kedoktoran atau sekurang-kurangnya pernah menyelia satu disertasi sarjana yang lulus di samping sedang menyelia tesis Ijazah Kedoktoran ketika dilantik sebagai pemeriksa;

- ii. pemeriksa mesti mempunyai latar belakang pengetahuan tentang bidang kajian yang disentuh dalam tesis; dan
 - iii. pemeriksa telah menghasilkan penerbitan dalam bidang berkaitan topik tesis sebelum dilantik sebagai pemeriksa.
7. Amalan penilaian dalam program pembelajaran jarak jauh dan dalam talian hendaklah mengikut Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh yang diluluskan Agensi Kelayakan Malaysia.

Berikut diberikan beberapa contoh penilaian yang boleh digunakan oleh PPT:

KELAYAKAN	BENTUK PENILAIAN
Sijil dan Diploma	<ul style="list-style-type: none"> - Tugas individu - Tugas kumpulan - Kuiz - Ujian bertulis - Esei - Ujian lisan - Pembentangan - Peperiksaan pertengahan semester (bertulis/ lisan) - E-portfolio - Peperiksaan akhir (bertulis)
Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Pascasiswazah	<ul style="list-style-type: none"> - Tugas individu - Tugas kumpulan - Penilaian praktikal - Laporan latihan industri - Kuiz/ujian bertulis - Kuiz/ujian/peperiksaan lisan - Esei - Latihan akademik - Projek - Pembentangan

KELAYAKAN	BENTUK PENILAIAN
	<ul style="list-style-type: none"> - Projek lapangan melibatkan komuniti - Peperiksaan akhir (bertulis)
Ijazah Sarjana secara Mod Kerja Kursus	<ul style="list-style-type: none"> - Tugas individu - Tugas kumpulan - Penilaian praktikal - Kuiz/ujian bertulis - Esei - Kertas kerja penyelidikan - Kertas kerja seminar - Kuiz/ujian/peperiksaan lisan - Latihan akademik - Projek - Pembentangan dalam kelas - Pembentangan seminar - Peperiksaan akhir (bertulis)
Ijazah Sarjana secara Mod Campuran	<ul style="list-style-type: none"> - Tugas individu - Tugas kumpulan - Penilaian praktikal - Kuiz/ujian bertulis - Esei - Kertas kerja penyelidikan - Kertas kerja seminar - Kuiz/ujian/peperiksaan lisan - Latihan akademik - Projek - Pembentangan dalam kelas - Pembentangan seminar - Peperiksaan akhir (bertulis) - Disertasi (wajib)

KELAYAKAN	BENTUK PENILAIAN
	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Submission defense/Viva voce</i> (pilihan)
<p>Ijazah Sarjana secara Penyelidikan</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Pembentangan cadangan penyelidikan - Pembentangan seminar - Tesis (wajib) - <i>Submission defense/Viva voce</i> (sekurang-kurangnya satu perlu diwajibkan)
<p>Ijazah Kedoktoran secara Mod Campuran</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Tugas individu - Tugas kumpulan - Penilaian praktikal - Ujian bertulis - Esei - Kertas kerja penyelidikan - Kertas kerja seminar - Kuiz/ujian/peperiksaan lisan - Projek - Pembentangan dalam kelas - Pembentangan seminar - Peperiksaan akhir (bertulis) - Pembentangan cadangan penyelidikan - Disertasi (wajib) - <i>Viva voce</i> (wajib)
<p>Ijazah Kedoktoran secara Mod Penyelidikan</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Pembentangan cadangan penyelidikan - Pembentangan seminar - Tesis (wajib) - <i>Viva voce</i> (wajib)

PEMILIHAN PELAJAR

Bab ini adalah berkenaan pengambilan pelajar ke program Pengajian Islam. Secara umum, polisi kemasukan yang relevan pada program tertentu perlu mematuhi dasar semasa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Seperti yang dinyatakan dalam COPPA:

“Terdapat perbezaan pandangan tentang kaedah terbaik pemilihan pelajar. Namun, apa jua kaedah yang digunakan, pihak PPT mestilah berupaya untuk mempertahankan ketekalannya. Bilangan pelajar yang bakal diterima masuk kesesuai program ditentukan oleh kapasiti PPT berkenaan dan bilangan pemohon yang berkeelayakan. Dasar kemasukan dan pengekalan pelajar sesebuah PPT itu tidak harus dikompromi semata-mata kerana hasrat PPT untuk mengekalkan bilangan pengambilan pelajar yang tertentu. Sekiranya PPT itu mengendalikan beberapa kampus yang berbeza lokasinya, atau sekiranya sesuatu program itu merupakan program yang dikendalikan secara kerjasama, pemilihan dan penempatan semua pelajar mestilah konsisten dengan dasar kebangsaan” (COPPA, 2010, ms.24).

Standard asas bagi pengambilan pelajar untuk program Pengajian Islam disediakan di bawah. Piawai yang digariskan adalah mengikut dasar pendidikan tinggi kebangsaan berkenaan syarat minimum kemasukan pelajar. Selain dasar tersebut, PPT mesti mematuhi mana-mana dasar yang terpakai secara spesifik di institusi masing-masing.

SIJIL

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengan mana-mana SATU kredit.

DIPLOMA

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengan sekurang-kurangnya TIGA kredit **DAN** lulus dalam SATU mata pelajaran Bahasa Arab **ATAU** SATU mata pelajaran Pengajian Islam;

ATAU

Sijil yang diiktiraf dalam Pengajian Islam atau yang setaraf dengannya.

SARJANA MUDA

Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.00 daripada 4.00 dan sekurang-kurangnya DUA kelulusan penuh, dan satu daripadanya dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan Pengajian Islam.

ATAU

Lulus kelayakan yang setaraf dengan STPM seperti A-level, dengan syarat bahawa calon lulus sekurang-kurangnya satu subjek Pengajian Islam dalam kelayakan itu.

ATAU

Lulus program Matrikulasi atau kelayakan yang diiktiraf sebagai Asasi Pengajian Islam dengan mendapat PNGK minimum 2.00 daripada 4.00;

ATAU

Lulus dengan gred keseluruhan *Maqbul* dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM);

ATAU

Diploma yang diiktiraf dalam Pengajian Islam atau yang setaraf dengan mendapat PNGK minimum 2.00 daripada 4.00.

DIPLOMA PASCASISWAZAH

Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf dalam Pengajian Islam atau dalam bidang-bidang lain dengan syarat Pengajian Islam diambil sebagai minor dalam program sarjana muda atau kelayakan yang setaraf dengannya. Budi bicara juga dibenarkan kepada PPT untuk mempertimbangkan calon yang mengambil beberapa subjek Pengajian Islam sebagai elektif, dengan syarat jumlah keseluruhan jam kredit elektif tersebut setara dengan jam kredit minor Pengajian Islam.

IJAZAH SARJANA

Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus atau Mod Campuran

Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf dalam Pengajian Islam atau yang setaraf dengan PNGK minimum 2.50 daripada 4.00.

Ijazah Sarjana secara Penyelidikan

Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf dalam Pengajian Islam atau yang setaraf dengan PNGK minimum 2.75 daripada 4.00.

Calon-calon dengan PNGK antara 2.50 dan 2.75 boleh diterima masuk oleh PPT sebagai kes rayuan, dengan syarat rayuan adalah berdasarkan justifikasi tertentu. Sebab penerimaan kemasukan kes sebegini perlulah direkod.

Nota:

Tanpa mengira mod program, calon tanpa latar belakang pengetahuan yang formal dalam Pengajian Islam pada dasarnya tidak boleh diterima masuk dalam program Sarjana mana-mana cabang Pengajian Islam. Walau bagaimanapun, pemegang ijazah bidang lain yang tidak mempunyai kelayakan formal Pengajian Islam boleh diterima dengan syarat mereka lulus peperiksaan kelayakan yang mengesahkan tahap latar belakang pengetahuan mereka mencukupi. Peperiksaan ini harus merangkumi penilaian bertulis dan lisan (termasuk temu duga). Tahap mencukupi yang dimaksudkan ialah tahap yang setanding dengan pengetahuan yang ada pada pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Islam. Jika jurang antara kedua-duanya besar, calon harus ditolak. Jika jurang tersebut tidak besar, PPT boleh memilih untuk menangani situasi ini dengan mengenakan keperluan prasyarat yang ketat.

IJAZAH KEDOKTORAN

Mod Campuran dan Mod Penyelidikan Penuh

Ijazah Sarjana yang diiktiraf dalam Pengajian Islam atau yang setaraf dengannya.

Nota:

Seperti halnya dengan program Sarjana, calon tanpa latar belakang pengetahuan yang formal dalam Pengajian Islam pada dasarnya tidak boleh diterima masuk dalam program Doktor Falsafah bagi mana-mana cabang Pengajian Islam pun. Namun, calon-calon dengan ijazah Sarjana dalam bidang lain tetapi tidak mempunyai kelayakan formal Pengajian Islam boleh diterima dengan syarat mereka lulus peperiksaan kelayakan yang mengesahkan tahap latar belakang pengetahuan mereka mencukupi. Peperiksaan ini harus merangkumi kedua-dua komponen bertulis dan lisan (termasuk temu duga). Tahap mencukupi yang dimaksudkan ialah tahap

pengetahuan yang biasanya ada pada pemegang Ijazah Sarjana dalam Pengajian Islam. Jika jurang antara kedua-duanya besar, calon harus ditolak. Jika jurang tersebut tidak besar, PPT boleh memilih untuk menangani situasi ini dengan mengenakan keperluan prasyarat yang ketat.

STAF AKADEMIK

Staf akademik adalah antara elemen utama dalam memastikan pelajar mencapai hasil pembelajaran yang dikehendaki. Seperti yang dinyatakan di dalam COPPA:

“Kualiti staf akademik adalah salah satu komponen yang amat penting dalam memastikan kualiti pendidikan tinggi. Oleh itu, segala usaha perlulah diambil bagi memastikan dasar berhubung pengambilan staf yang tepat dan berkesan, perkhidmatan, pembangunan dan penilaian tenaga akademik yang kondusif terhadap produktiviti staf” (COPPA, 2010, ms 29).

Dalam konteks Pengajian Islam, staf akademik diharapkan dapat memainkan peranan yang lebih besar. Peranan mereka tidak hanya terhad sebagai penyampai kandungan kurikulum. Mereka juga perlu memberi perhatian sewajarnya terhadap pembentukan tingkah laku moral pelajar ke arah meningkatkan ketakwaan mereka dan memberi inspirasi untuk menjadi individu yang ikhlas berjuang untuk Islam. PPT harus memastikan aptitud untuk tugas dan tanggungjawab tersebut diberi perhatian serius dalam proses pengambilan staf akademik.

Pada peringkat yang lebih asas, bahagian berikut menyatakan piawaian penanda aras bagi aspek yang berkaitan dengan staf akademik dan kapasiti pengajaran sesebuah PPT.

SIJIL

1. Kelayakan minimum staf akademik:
Ijazah Sarjana Muda dalam mana-mana bidang Pengajian Islam.
2. Keseluruhan nisbah kakitangan-pelajar - 1:35 atau lebih rendah.
3. Tenaga pengajar sepenuh masa dan separuh masa - Sekurang-kurangnya 60% daripada tenaga pengajar dalam program Pengajian Islam mestilah staf sepenuh masa.

Kaedah memperoleh nisbah tersebut ialah:

- i. Dapatkan jumlah pelajar yang mendaftar dalam program Pengajian Islam di PPT (jumlah pelajar);
- ii. Dapatkan jumlah staf akademik yang mengajar subjek teras umum Pengajian Islam dan komponen major (jumlah staf); dan

- iii. Bahagikan jumlah pertama (jumlah pelajar) dengan jumlah kedua (jumlah staf).

Kaedah ini terpakai untuk semua peringkat pengajian.

Takrif staf sepenuh masa ialah:

Staf yang dilantik:

- i. secara tetap, atau
- ii. secara sementara untuk tempoh percubaan sebelum dilantik ke status tetap, atau
- iii. secara kontrak untuk sekurang-kurangnya 1 tahun.

Tenaga pengajar yang tidak tergolong dalam mana-mana kategori di atas adalah dianggap staf separuh masa.

DIPLOMA

1. Kelayakan minimum staf akademik:
Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan Pengajian Islam.
2. Keseluruhan nisbah staf-pelajar - 1:30 atau lebih rendah.
3. Tenaga pengajar sepenuh masa dan separuh masa – Sekurang-kurangnya 60% adalah staf sepenuh masa.

IJAZAH SARJANA MUDA

1. Kelayakan minimum staf akademik untuk mengajar kursus Pengajian Islam:
Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan Pengajian Islam.
2. Kelayakan minimum staf akademik yang mengajar subjek yang tidak termasuk dalam bidang tumpuan pengajian seperti kursus bahasa, keusahawanan dan kursus kokurikulum yang dikreditkan:
Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan.
3. Keseluruhan nisbah staf-pelajar - 1:20 atau lebih rendah.
4. Tenaga pengajar sepenuh masa dan separuh masa - Sekurang-kurangnya 60% adalah staf sepenuh masa.

DIPLOMA PASCASISWAZAH

1. Kelayakan minimum staf akademik:
Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan Pengajian Islam.
2. Keseluruhan nisbah staf-pelajar - 1:15 atau lebih rendah
3. Tenaga pengajar sepenuh masa dan separuh masa - Sekurang-kurangnya 60% adalah staf sepenuh masa.

IJAZAH SARJANA (semua mod)

1. Kelayakan minimum staf akademik:
Ijazah Kedoktoran dalam bidang berkaitan Pengajian Islam.

ATAU

Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan Pengajian Islam, dengan syarat staf telah menghasilkan sekurang-kurangnya DUA penerbitan berwasit.

2. Keseluruhan nisbah staf-pelajar - 1:20 atau lebih rendah.
3. Keseluruhan nisbah penyelia-pelajar - 1:15 atau lebih rendah.
4. Penyelia utama mestilah daripada kalangan pensyarah sepenuh masa PPT.
5. Tenaga pengajar sepenuh masa dan separuh masa - Sekurang-kurangnya 60% adalah staf sepenuh masa.

IJAZAH KEDOKTORAN (semua mod)

1. Kelayakan minimum staf akademik:
Ijazah Kedoktoran dalam bidang berkaitan Pengajian Islam.

ATAU

Ijazah Sarjana, dengan syarat berjawatan Profesor Madya dan ke atas.

2. Penyelia utama mestilah daripada kalangan pensyarah sepenuh masa PPT.
3. Keseluruhan nisbah penyelia-pelajar - 1:10 atau lebih rendah.

SUMBER PENDIDIKAN

Bagi menjalankan program Pengajian Islam, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dikehendaki menyediakan sumber yang mencukupi untuk menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kemudahan asas yang minimum perlulah termasuk bilik kuliah dan tutorial serta kemudahan teknikal dan peralatan yang bersesuaian. Kawasan kerja yang kondusif juga perlu disediakan bagi pelajar penyelidikan dalam program pascasiswazah.

Seperti yang dinyatakan dalam COPPA

“Sumber pendidikan yang mencukupi adalah perlu untuk menyokong aktiviti pengajaran-pembelajaran program. Sumber ini termasuk kewangan, kepakaran, infrastruktur fizikal, maklumat dan teknologi komunikasi, dan kemudahan penyelidikan. Kemudahan fizikal program sebahagian besarnya dipandu oleh keperluan bidang tertentu pengajian” (COPPA, 2010, ms.32).

Berikut adalah piawaian asas bagi sumber pendidikan:

SIJIL DAN DIPLOMA

1. Dewan kuliah (dengan kemudahan audio visual yang mencukupi)
2. Bilik kuliah/tutorial
3. Sokongan/kemudahan teknikal
4. Perpustakaan (termasuk sumber pembelajaran dalam talian)
5. Akses internet
6. Akses kepada perisian yang relevan mengikut keperluan program dan pelajar

IJAZAH SARJANA MUDA

1. Dewan kuliah (dengan kemudahan audio visual yang mencukupi)
2. Bilik kuliah/tutorial
3. Sokongan/kemudahan teknikal
4. Perpustakaan (termasuk sumber pembelajaran dalam talian)
5. Akses internet
6. Akses kepada perisian yang relevan mengikut keperluan program dan pelajar
7. Mahkamah *moot* bagi program yang berkaitan

DIPLOMA PASCASISWAZAH, SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH

1. Bilik kuliah (dengan kemudahan audio visual yang mencukupi)
2. Sokongan/kemudahan teknikal
3. Ruang kerja/stesen kerja
4. Makmal penyelidikan/projek
5. Perpustakaan (termasuk sumber pembelajaran dalam talian)
6. Akses internet
7. Perisian dan aplikasi komputer mengikut keperluan program dan pelajar

PEMANTAUAN DAN SEMAKAN PROGRAM

Bagi tujuan pemantauan dan semakan program, PPT wajib memastikan bahawa kuasa tertinggi akademik seperti Senat memainkan peranan yang berkesan dalam mengawal selia aspek kualiti yang ditangani pengurus program. Oleh itu, mana-mana penurunan kuasa kepada pihak yang lebih rendah dalam hal ini mestilah ditetapkan dan didokumenkan dengan jelas.

PPT harus melibatkan penyertaan pihak luar seperti wakil-wakil majikan, akademia, industri dan badan profesional (jika berkenaan) pada peringkat-peringkat utama pembangunan program untuk kelulusan kali pertama atau semakan. Penyertaan pihak luar perlu dilibatkan kerana kebebasan dan objektiviti dalam memberi maklum balas adalah penting untuk melahirkan keyakinan bahawa standard program dan keperluan kualiti dapat dipenuhi.

Semakan program harus dijalankan melalui jawatankuasa yang terdiri daripada pakar bidang, wakil pihak berkepentingan dan pakar daripada industri berkaitan. Wakil pelajar juga boleh dilibatkan untuk memberi maklum balas mengenai kurikulum, terutama dalam menentukan sama ada terdapat pertindihan kandungan silabus atau elemen lain dalam program yang disemak. Tinjauan pendapat boleh dilakukan untuk menentukan tahap kepuasan pelajar terhadap program tersebut.

Secara berkala, PPT hendaklah memantau keberkesanan programnya untuk memastikan bahawa program tersebut masih relevan dan mutakhir dalam konteks membangunkan pengetahuan pelajar dalam disiplin yang dipelajari selain memastikan hasil pembelajaran dapat dicapai oleh pelajar. Tindakan sewajarnya perlu diambil untuk menangani jurang yang dapat dikenal pasti dan menentukan langkah pemulihan bersesuaian. Kesemuanya perlu didokumenkan dan direkod supaya inisiatif dan usaha PPT dalam hal ini boleh dirujuk dan disemak bagi tujuan audit.

Jika PPT memutuskan untuk menamatkan sesuatu program, langkah-langkah hendaklah diambil untuk melindungi kepentingan pelajar yang sedia ada dan/atau yang telah ditawarkan untuk mengikuti program. Notis perlu disampaikan dalam kadar waktu yang munasabah.

KEPIMPINAN, GOVERNAN DAN PENTADBIRAN

Mengenai kepimpinan, governan dan pentadbiran yang menyelia program akademik, COPPA menyatakan:

“Terdapat pelbagai cara mentadbir sesebuah institusi pendidikan dan kaedah pengurusannya berbeza antara Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT). Walaupun begitu, governan yang mencerminkan kepimpinan sesebuah organisasi pendidikan mestilah menumpukan penekanan ke atas aspek kecemerlangan dan keserjanaan. Di peringkat jabatan, adalah amat penting bagi kepimpinan menyediakan garis panduan dan hala tuju yang jelas di samping membina perhubungan antara pelbagai kumpulan berdasarkan semangat keserakanan dan ketelusan, mengurus kewangan dan sumber-sumber lain dengan penuh tanggungjawab dan mengadakan perkongsian bersama pihak berkepentingan utama dalam bidang penyampaian, penyelidikan serta perundingan pendidikan. Kepimpinan jabatan hendaklah sentiasa mencurahkan dedikasi dalam segala usaha akademik dan keserjanaan. Walaupun ikatan yang formal dapat menjamin dan mempertahankan hubungan-hubungan sebegini, ia paling berkesan dibangunkan melalui satu budaya hubungan timbal balik permuafakatan dan komunikasi terbuka” (COPPA, 2010, ms 38).

Cara PPT menjalankan pentadbirannya adalah di luar skop dokumen ini. Tumpuan dokumen ini terhad kepada perihal pengurus program yang piawai penanda arasnya adalah seperti berikut.

SIJIL DAN DIPLOMA

Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam atau bidang berkaitan.

IJAZAH SARJANA MUDA

Ijazah Sarjana dalam Pengajian Islam atau bidang berkaitan dengan DUA tahun pengalaman bersesuaian.

IJAZAH SARJANA

Ijazah Kedoktoran dalam Pengajian Islam atau bidang berkaitan,

ATAU

Ijazah Sarjana dalam Pengajian Islam dengan TIGA tahun pengalaman bersesuaian.

IJAZAH KEDOKTORAN

Ijazah Kedoktoran Pengajian Islam,

ATAU

Ijazah Sarjana Pengajian Islam dengan TIGA tahun pengalaman bersesuaian.

AHLI LEMBAGA PENGAJIAN

PPT mestilah menyediakan Lembaga Pengajian yang berwibawa untuk proses memulakan pembangunan program Pengajian Islam atau proses penstrukturan semula. Komposisi Lembaga Pengajian hendaklah termasuk pakar akademik dalam bidang berkenaan daripada PPT itu sendiri, pakar akademik luar, iaitu daripada PPT lain, dan pakar yang mempunyai latar belakang industri berkaitan.

PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN

Penambahbaikan kualiti berterusan dalam program akademik adalah penting untuk memastikan tahap pencapaian dari segi keberkesanan dan kecekapan menjadi lebih baik dari semasa ke semasa. Ini dapat menjamin peningkatan produktiviti dan daya saing. Justeru, penambahbaikan kualiti berterusan tidak seharusnya dilihat sebagai beban kepada PPT, sebaliknya ia adalah proses yang perlu dilakukan sebagai satu tanggungjawab kepada negara bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang berkualiti.

Dalam usaha untuk memastikan penambahbaikan kualiti berterusan, aktiviti berikut adalah disyorkan:

1. Semakan kurikulum sekurang-kurangnya sekali setiap **3 hingga 5 tahun**.
2. Pelantikan **penilai luar** bagi tujuan meningkatkan objektiviti proses penilaian.
3. Pelantikan **sarjana pelawat** untuk berkongsi pengetahuan baru dan meningkatkan mutu kandungan kurikulum.
4. Hubungan PPT dengan industri dan komuniti melalui dialog meja bulat.
5. Penyertaan staf akademik dalam persidangan, seminar, bengkel dan kursus pendek. Ilmu yang diperolehi harus dikongsi dengan staf/pelajar.
6. Pengajaran dan pembelajaran berasaskan penyelidikan dan pembelajaran berasaskan masalah.
7. Perkongsian ilmu melalui syarahan umum dan/atau pembentangan oleh pakar-pakar industri dan profesor adjung.
8. Kerjasama dengan badan-badan profesional (tempatan dan luar negara) untuk menggabungkan amalan industri dalam reka bentuk kurikulum.
9. Semakan berterusan terhadap latihan industri dan rekod berkaitan.
10. Sesi dialog dengan pihak berkepentingan.
11. Tinjauan pendapat alumni secara berkala untuk mendapat maklum balas bagaimana program PPT relevan untuk keperluan kerjaya mereka.
12. Mewujudkan unit jaminan kualiti.
13. Pelantikan fellow adjung dan pelawat daripada kalangan rakan-rakan industri.
14. Kajian kebolehpasaran graduan.

RUJUKAN

1. Agensi Kelayakan Malaysia (2007). Kerangka Kelayakan Malaysia - MQF. Kuala Lumpur: MQA.
2. Agensi Kelayakan Malaysia (2010). Kod Amalan Akreditasi Program - COPPA. Kuala Lumpur: MQA.
3. Kementerian Pelajaran Malaysia (2007). Panduan Standard Program Pengajian Islam Peringkat Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

AHLI PANEL

STANDARD PROGRAM: PENGAJIAN ISLAM

Panel yang bertanggungjawab untuk menghasilkan dokumen ini terdiri daripada yang berikut:

Bil	Ahli Panel	Organisasi
1.	Abdul Shukor bin Haji Husin Prof. (Emeritus Tan Sri Dato' Dr.)	Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam, Malaysia
2.	Badri Najib bin Zubir (Dr.) - Pengerusi-	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
3.	Che Zarrina binti Sa'ari (Prof. Madya Dr.)	Universiti Malaya (UM)
4.	Ismail bin Bakar (Prof. Madya Dr.) - Ahli jemputan	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
5.	Mohd Nasran bin Mohamad (Prof. Dr.)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
6.	Mohd Radhi Ibrahim (Dr.)	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
7.	Mohd. Radzi bin Othman (Prof. Madya Dato' Dr.)	Universiti Sains Malaysia (USM)
8.	Syed Sultan Bee binti Packeer Mohamad (Dr.)	Kolej Universiti Insaniah (KUIN)
9.	Ustaz Muhammad Uthman El- Muhammady	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

KANDUNGAN KURIKULUM

1. TERAS UMUM PENGAJIAN ISLAM

i. Jam kredit keseluruhan untuk Teras Umum Pengajian Islam perlulah memenuhi kadar minimum yang dinyatakan dalam bab Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum. Untuk komponen ini, daripada peringkat sijil hingga ijazah sarjana muda, PPT dikehendaki memasukkan item berikut:

- a. Aqidah
- b. Ulum al-Quran / Usul Tafsir
- c. Ulum Hadis
- d. Bahasa Arab
- e. Fikah *
- f. Akhlak dan tasawuf
- g. Tilawah al-Quran dan Hafazan
- h. Sirah
- i. Dakwah **

* Disyorkan supaya kursus yang dibina memberi gambaran menyeluruh mengenai fikah sebagai satu disiplin ilmu dan pemahaman asas metodologi ahli fikah Islam.

** Disyorkan supaya kursus yang dibina memberi gambaran menyeluruh mengenai kewajipan dan kaedah berdakwah serta pendekatannya.

ii. PPT diberikan kebebasan menentukan bagaimana item di atas dimasukkan ke dalam kurikulum, antaranya:

- a. beberapa item boleh digabungkan dalam sesuatu kursus. Contohnya, Ulum al-Quran dan Ulum Hadis digabungkan dalam kursus Metodologi Pengajian al-Quran dan Hadis; atau
- b. sesuatu item mungkin diperluaskan melebihi satu kursus. Contohnya, Fikah dikembangkan kepada kursus Ibadat dan Munakahat dan Sejarah Perundangan Islam.

2. KANDUNGAN KURIKULUM BERKAITAN DOMAIN ORIENTASI KLASIK

PPT diberikan kebebasan membangunkan kandungan kurikulum domain pengajian dengan syarat item dalam senarai di bawah tidak diabaikan. Namun, item tersebut tidak harus disalahfahami sebagai nama subjek atau kursus.

i. USULUDDIN

a. Sijil

Kandungan Kurikulum
Pengajian Aqidah
<ul style="list-style-type: none"> ○ Tauhid ○ Ancaman terhadap aqidah pada zaman moden
Pengajian Tafsir
<ul style="list-style-type: none"> ○ Tafsir ayat-ayat pilihan ○ Aliran tafsir ○ Asas metodologi tafsir
Pengajian Hadis
<ul style="list-style-type: none"> ○ Kajian hadis pilihan ○ Kajian perawi hadis ○ Kitab utama hadis
Pengajian Dakwah
<ul style="list-style-type: none"> ○ Prinsip dakwah ○ Kaedah dakwah ○ Komunikasi dakwah

b. Diploma

Kandungan Kurikulum
Pengajian Aqidah
<ul style="list-style-type: none"> ○ <i>Tauhid</i> ○ Pemikiran Islam ○ Ancaman terhadap aqidah pada zaman moden

Kandungan Kurikulum
Pengajian Tafsir
<ul style="list-style-type: none"> ○ Tafsir ayat-ayat pilihan ○ Aliran-aliran tafsir ○ Metodologi tafsir
Pengajian Hadis
<ul style="list-style-type: none"> ○ Kajian hadis-hadis pilihan ○ Kajian perawi hadis ○ Kitab utama hadis
Pengajian Dakwah
<ul style="list-style-type: none"> ○ Prinsip dakwah ○ Kaedah dakwah ○ Komunikasi dakwah
Perbandingan Agama
<ul style="list-style-type: none"> ○ Pandangan Islam terhadap agama lain ○ Kajian perbandingan antara Islam dengan agama lain ○ Metodologi perbandingan agama

c. Ijazah Sarjana Muda

Kandungan Kurikulum
Pengajian Aqidah
<ul style="list-style-type: none"> ○ Tauhid ○ Teologi/kalam ○ Pemikiran Islam ○ Falsafah Islam ○ Logik ○ Mazhab aqidah ○ Ajaran sesat dan fahaman menyeleweng
Pengajian Tafsir
<ul style="list-style-type: none"> ○ Tafsir ijmal ○ Tafsir analitikal ○ Tafsir tematik (maudu'i) ○ Aliran dan trend tafsir ○ Metodologi tafsir

Kandungan Kurikulum
Pengajian Hadis
<ul style="list-style-type: none"> ○ Kitab hadis dan pengulasnya ○ Takhrij hadis ○ al-jarh wa al-ta'dil ○ Kritikan hadis (sanad dan matan) ○ Metodologi ulasan hadis
Pengajian Dakwah
<ul style="list-style-type: none"> ○ Prinsip dakwah ○ Kaedah dakwah ○ Komunikasi dakwah ○ Psikologi dakwah ○ Gerakan dakwah
Perbandingan Agama
<ul style="list-style-type: none"> ○ Pandangan Islam terhadap agama lain ○ Kajian perbandingan antara Islam dengan agama lain ○ Metodologi perbandingan agama ○ Trend liberal dalam agama

d. Diploma Pascasiswazah

Kandungan Kurikulum
Pengajian Aqidah
<ul style="list-style-type: none"> ○ Teologi/kalam ○ Pemikiran Islam ○ Falsafah Islam
Pengajian Tafsir
<ul style="list-style-type: none"> ○ Tafsir analitikal ○ Tafsir tematik (maudu'i) ○ Aliran-aliran dan trend tafsir
Pengajian_Hadis
<ul style="list-style-type: none"> ○ Kitab hadis dan pengulasnya ○ Kritikan hadis (sanad dan matan) ○ Metodologi ulasan hadis

Kandungan Kurikulum
Pengajian Dakwah
<ul style="list-style-type: none"> ○ Gerakan dakwah ○ Trend dakwah ○ Institusi Dakwah
Perbandingan Agama
<ul style="list-style-type: none"> ○ Kajian perbandingan antara Islam dengan agama lain ○ Metodologi perbandingan agama

e. Ijazah Sarjana: Komponen Kerja Kursus

Kandungan Kurikulum
Pengajian Aqidah
<ul style="list-style-type: none"> ○ Teologi/kalam ○ Pemikiran Islam ○ Falsafah Islam
Pengajian Tafsir
<ul style="list-style-type: none"> ○ Tafsir analitikal ○ Tafsir tematik (<i>maudu'i</i>) ○ Aliran dan trend tafsir
Pengajian_Hadis
<ul style="list-style-type: none"> ○ Kitab hadis dan pengulasnya ○ Kritikan hadis (sanad dan matan) ○ Metodologi ulasan hadis
Pengajian Dakwah
<ul style="list-style-type: none"> ○ Gerakan dakwah ○ Trend dakwah ○ Institusi Dakwah
Perbandingan Agama
<ul style="list-style-type: none"> ○ Kajian perbandingan antara Islam dengan agama lain ○ Metodologi perbandingan agama

f. Ijazah Kedoktoran: Komponen Kerja Kursus

Kandungan Kurikulum
Pengajian Aqidah
<ul style="list-style-type: none"> ○ Teologi/kalam ○ Pemikiran Islam ○ Falsafah Islam
Pengajian Tafsir
<ul style="list-style-type: none"> ○ Tafsir analitikal ○ Tafsir tematik (maudu'i) ○ Aliran dan trend tafsir
Pengajian Hadis
<ul style="list-style-type: none"> ○ Kitab hadis dan pengulasnya ○ Kritikan hadis (sanad dan matan) ○ Metodologi ulasan hadis.
Pengajian Dakwah
<ul style="list-style-type: none"> ○ Gerakan dakwah ○ Trend dakwah ○ Institusi Dakwah
Perbandingan Agama
<ul style="list-style-type: none"> ○ Kajian perbandingan antara Islam dengan agama lain ○ Metodologi perbandingan agama

ii. SHARIAH

a. Sijil

Kandungan Kurikulum
<ul style="list-style-type: none"> ○ Pengetahuan fikah ibadat ○ Pengetahuan fikah muamalat ○ Pengetahuan fikah munakahat ○ Pengetahuan fikah jinayat

b. Diploma

Kandungan Kurikulum
<ul style="list-style-type: none">○ Pengetahuan fikah ibadat○ Pengetahuan fikah muamalat○ Pengetahuan fikah munakahat○ Pengetahuan fikah jinayat○ Usul fikah

c. Ijazah Sarjana Muda

Kandungan Kurikulum
<ul style="list-style-type: none">○ Pengetahuan fikah ibadat○ Pengetahuan fikah muamalat○ Pengetahuan fikah munakahat○ Pengetahuan fikah jinayat○ Usul fikah○ Matlamat (<i>maqasid</i>) syariah○ Siasah syar'iyah○ Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia

d. Diploma Pasca Siswazah

Kandungan Kurikulum
<ul style="list-style-type: none">○ Fikah○ Usul fikah

e. Ijazah Sarjana: Komponen Kerja Kursus

Kandungan Kurikulum
<ul style="list-style-type: none">○ Fikah○ Usul fikah

f. Ijazah Kedoktoran: Komponen Kerja Kursus

Kandungan Kurikulum
<ul style="list-style-type: none"> ○ Fikah ○ Usul fikah

iii. SEJARAH DAN TAMADUN

a. Sijil

Kandungan Kurikulum
<ul style="list-style-type: none"> ○ Sirah ○ Sejarah Khulafak Rasyidin ○ Tamadun Islam

b. Diploma

Kandungan Kurikulum
<ul style="list-style-type: none"> ○ Sirah ○ Sejarah Khulafak Rasyidin ○ Sejarah era Umayyah dan Abbasiyah ○ Tamadun Islam

c. Ijazah Sarjana Muda

Kandungan Kurikulum
<ul style="list-style-type: none"> ○ Sirah ○ Sejarah Khulafak Rasyidin ○ Sejarah era Umayyah dan Abbasiyah ○ Sejarah Islam di Sepanyol ○ Sejarah era Mamluk, Fatimiyah dan Ayyubiyah ○ Sejarah Uthmaniyah ○ Sejarah Islam di benua kecil India ○ Islam di Dunia Melayu ○ Tamadun Islam ○ Kolonialisasi dunia Islam

d. Diploma Pasca Siswazah

Kandungan Kurikulum
Boleh dipilih dari mana-mana yang berikut: <ul style="list-style-type: none">○ Sejarah era Nabi dan Khulafak Rasyidin○ Sejarah era Umayyah dan Abbasiyah○ Sejarah Islam di Sepanyol○ Sejarah era Mamluk, Fatimiyah dan Ayyubiyah○ Sejarah Uthmaniyah○ Sejarah Islam di benua kecil India○ Islam di Dunia Melayu○ Tamadun Islam○ Kolonialisasi dunia Islam

e. Ijazah Sarjana: Komponen Kerja Kursus

Kandungan Kurikulum
Boleh dipilih dari mana-mana yang berikut: <ul style="list-style-type: none">○ Sejarah era Nabi dan Khulafak Rasyidin○ Sejarah era Umayyah dan Abbasiyah○ Sejarah Islam di Sepanyol○ Sejarah era Mamluk, Fatimiyah dan Ayyubiyah○ Sejarah 'Uthmaniyah○ Sejarah Islam di benua kecil India○ Islam di Dunia Melayu○ Tamadun Islam○ Kolonialisasi dunia Islam

f. Ijazah Kedoktoran: Komponen Kerjas Kursus

Kandungan Kurikulum
Boleh dipilih dari mana-mana yang berikut: <ul style="list-style-type: none">○ Sejarah era Nabi dan Khulafak Rasyidin○ Sejarah era Umayyah dan Abbasiyah○ Sejarah Islam di Sepanyol○ Sejarah era Mamluk, Fatimiyah dan Ayyubiyah

Kandungan Kurikulum

- Sejarah Uthmaniyah
- Sejarah Islam di benua kecil India
- Islam di Dunia Melayu
- Tamadun Islam
- Kolonialisasi dunia Islam

iv. BAHASA ARAB**a. Sijil****Kandungan Kurikulum**

- Sintaksis (tatabahasa)
- Morfologi
- Pemahaman (melalui pembacaan atau pendengaran)
- Penulisan (mengarang)
- Pertuturan / Perbualan

b. Diploma**Kandungan Kurikulum**

- Sintaksis (Tatabahasa)
- Morfologi
- Pemahaman (melalui pembacaan atau pendengaran)
- Penulisan (mengarang)
- Pertuturan / Perbualan
- Teks sastrera
- Retorik

c. Ijazah Sarjana Muda**Kandungan Kurikulum**

- Sintaksis (tatabahasa)
- Morfologi
- Teks sastrera

Kandungan Kurikulum
<ul style="list-style-type: none"> ○ Retorik ○ Fonologi bahasa Arab ○ Leksikografi bahasa Arab ○ Ilmu linguistik

d. Diploma Pascasiswazah

Kandungan Kurikulum
Pengajian Bahasa Teoretikal
<ul style="list-style-type: none"> ○ Teori dan prinsip tatabahasa Arab ○ Aliran fikiran dalam pembinaan tatabahasa Arab ○ Linguistik moden ○ Morfologi lanjutan
Kesusasteraan
<ul style="list-style-type: none"> ○ Kritikan sastera ○ Sastera perbandingan ○ Sastera klasik ○ Sastera moden ○ Teori sastera
Linguistik Gunaan
<ul style="list-style-type: none"> ○ Prinsip pengajaran bahasa kedua/asing ○ Rekabentuk kurikulum ○ Analisis kontrastif ○ Analisis kesilapan ○ Kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran

e. Ijazah Sarjana: Komponen Kerja Kursus

Kandungan Kurikulum
Pengajian Bahasa Teoretikal
<ul style="list-style-type: none"> ○ Teori dan prinsip tatabahasa Arab ○ Aliran fikiran dalam pembinaan tatabahasa Arab ○ Linguistik moden ○ Morfologi lanjutan

Kandungan Kurikulum
Kesusasteraan
<ul style="list-style-type: none"> ○ Kritikan sastera ○ Sastera perbandingan ○ Sastera klasik ○ Sastera moden ○ Teori sastera
Linguistik Gunaan
<ul style="list-style-type: none"> ○ Prinsip-prinsip pengajaran bahasa kedua/asing ○ Rekabentuk kurikulum ○ Analisis kontrastif ○ Analisis kesilapan ○ Kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran

f. Ijazah Kedoktoran: Komponen Kerja Kursus

Kandungan Kurikulum
Pengajian Bahasa Teoretikal
<ul style="list-style-type: none"> ○ Teori dan prinsip tatabahasa Arab ○ Aliran fikiran dalam pembinaan tatabahasa Arab ○ Linguistik moden
Kesusasteraan
<ul style="list-style-type: none"> ○ Kritikan sastera ○ Sastera perbandingan ○ Sastera klasik ○ Sastera moden ○ Teori sastera
Linguistik Gunaan
<ul style="list-style-type: none"> ○ Penilaian kurikulum ○ Pentaksiran ○ Analisis kuantitatif ○ Teori pembelajaran ○ Trend mutakhir dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua/asing

3. KANDUNGAN KURIKULUM BAGI PENGAJIAN ISLAM GUNAAN

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, komponen Teras Umum Pengajian Islam hendaklah dimasukkan dalam program di bawah domain Pengajian Islam Gunaan daripada peringkat sijil hingga ijazah sarjana muda.

Bagi kandungan kurikulum yang lain dalam program, kebebasan diberikan kepada PPT untuk menentukan subjek/kursus yang bersesuaian, dengan syarat ia selari dengan matlamat program dan hasil pembelajaran yang ditetapkan bagi domain Pengajian Islam Gunaan.